



MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KEEMPAT  
*Fourth Parliament*

PENGGAL KETIGA  
*Third Session*

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN  
[Ruangan 5699]

KENYATAAN MENTERI PERHUBUNGAN:  
Trajidi Kapalterbang MAS B.737 [Ruangan 5720]

RANG UNDANG-UNDANG:  
Rang Undang-undang Perbekalan, 1978:  
*Jawatankuasa (Hari Kelapan) —*  
*Jadual —*  
Kepala B. 26 dan B. 27 [Ruangan 5729]  
Kepala B. 29 dan B. 30 [Ruangan 5771]

USUL:  
Anggaran Pembangunan, 1978:  
*Jawatankuasa (Hari Kelapan) —*  
Kepala P. 26 dan P. 27 [Ruangan 5729]  
Kepala P. 29 dan P. 30 [Ruangan 5771]

MALAYSIA

**DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KETIGA**

**AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., P.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATUK HUSSEIN BIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, DATO SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATUK LEE SAN CHOON, S.P.M.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Perhubungan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., S.I.M.P., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATUK HAJI ABDUL GHANI GILONG, S.P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., S.P.M.S., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Menteri Undang-undang, TAN SRI DATUK HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.D.K., S.P.M.J. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Penerangan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATUK AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATUK HAJI MOHAMED BIN YAACOB, S.P.M.K., P.G.D.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor)
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATUK MUSA BIN HITAM, S.P.M.J. (Labis).

- Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH, HAMZAH, P.S.M., S.P.M.K. (Ulu Kelantan).
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- .. Menteri Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- .. Menteri Tak Berpotfolio, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., J.M.N., P.I.S. (Pagoh).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SHARIFF AHMAD, D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., K.M.N. (Pulau).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, DATO HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Sabak Bernam).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DR. SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kemajuan Perkampungan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR. GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DR. NEO YEE PAN (Muar).
- .. Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, TUAN RAIS YATIM (Jelebu).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN S. SUBRAMANIAM (Damansara).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN LEW SIP HON, J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kemaman).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan, DR. LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Bau-Lundu).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN (Besut).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perhubungan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, TUAN ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI EMBONG BIN YAHYA, A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN SAADUN BIN MUHAMMAD NOH (Panti).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TAN SRI ABDUL AZIZ BIN YEOP AL-HAJ, P.S.M. (Padang Rengas).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Alor Gajah).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR.) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K., A.S.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS, P.J.K. (Dungun).
- „ DATUK HAJI ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S. (Machang).
- „ TUAN ABDULLAH MAJID, K.M.N. (Raub).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN ARSHAD (Hilir Perak).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Jasin).
- „ PENGIRAN HAJI AHMAD BIN PENGIRAN INDAR, A.S.D.K., A.D.K. (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD SHUKRI BIN HAJI ABD. SHUKOR (Padang Terap).
- „ TUAN AJADBIN O: T. OYONG, A.D.K. (Labuk Sugut).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN (Kimanis).
- „ TUAN ARIFFIN BIN HAJI DAUD (Permatang Pauh).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).

- Yang Berhormat TUAN AZAHARI BIN MD. TAIB, J.S.M., A.M.N., S.M.K., J.P. (Kulim Bandar Bharu).
- ” TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM (Batang Padang).
- ” TUAN BUJA BIN GUMBILAI, A.S.B.K. (Tuaran).
- ” DR. CHEN MAN HIN (Seremban).
- ” TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- ” TUAN CHIENG TIONG KAI *alias* CHIENG SIE LUNG (Sarikei).
- ” TUAN CHIN HON NGIAN (Rengam).
- ” PUAN CHOW POH KHENG (Selayang).
- ” TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- ” TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- ” TUAN FAN YEW TENG (Menglembu).
- ” TUAN FARN SEONG THAN (Sungei Besi).
- ” DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Semerah).
- ” TUAN HAJI HADADAK BIN HAJI D. PASAUK (Simunjan).
- ” DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH (Keningau).
- ” TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- ” DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N. (Kuala Nerus).
- ” TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K., (Arau).
- ” DR. HEE TIEN LAI *alias* HEE TEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- ” TUAN HISHAMUDDIN BIN HAJI YAHAYA (Maran).
- ” TUAN JA'AFAR BIN HAMZAH, P.I.S. (Johor Bahru).
- ” TUAN HAJI JAMIL BIN ISHAK, P.J.K. (Tanjong Karang).
- ” TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubuk Antu).
- ” TUAN LATIP BIN HAJI DRIS (Mukah).
- ” TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- ” TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- ” TUAN LEO MOGGIE ANAK IROKE (Kanowit).
- ” TUAN LIBEN ANAK KATO *alias* WAIRY LIBEN ANAK KATO (Betong).
- ” TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- ” DR. LIM CHONG EU (Tanjong).
- ” TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- ” TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- ” DATUK PETER LIM PUI HO, P.G.D.K., J.P., B.K. (Sandakan).
- ” DATUK PETER LO SU YIN, P.G.D.K. (Gaya).
- ” TUAN LOH FOOK YEN (Kluang).
- ” TUAN LUKMAN BIN ABDUL KADIR, P.J.K. (Ulu Nerus).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MADINA BIN UNGGUT, P.P.N. (Bandau).
- „ DATUK ALBERT MAH, D.M.P.N., K.M.N., P.J.K. (Bukit Bendera).
- „ TUAN MAK HON KAM, A.M.P. (Tanjung Malim).
- „ TUAN HAJI MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ DATUK MOHAMED NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ TAN SRI HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K., (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMED SOPIEE BIN SHEIKH IBRAHIM, J.M.N. (Kepala Batas).
- „ DATUK HAJI MOHD. ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K., S.P.D.K. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATUK PANGLIMA ABDULLAH, A.S.D.K., A.D.K. (Silam).
- „ TUAN HAJI MOHD. TAUFECK BIN O.K.K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K., P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. ZAHARI BIN AWANG (Kuala Krai).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ DATUK ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN MUSTAPHA *alias* HASSAN BIN ALI (Kuala Trengganu).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.M., K.C.R.L. (Marudu).
- „ DATUK SYED NAHAR BIN TUN SYED SHEH SHAHABUDDIN, D.P.M.K., K.M.N. (Jerlun-Langkawi).
- „ RAJA NASRON BIN RAJA ISHAK, K.M.N., P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN NGAN SIONG HING (Kinta).
- „ TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN OH KENG SENG (Petaling).
- „ TOH PUAN OON ZARIAH BINTI ABU BAKAR, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ TUAN OO GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN PANG SUI CHEE *alias* ALEX PANG, B.K., A.D.K. (Tawau).
- „ TUAN RACHA UMONG, P.B.S. (Limbang-Lawas).
- „ TUAN RASIAH RAJASINGAM (Jelutong).
- „ TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerai).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).
- „

- Yang Berhormat DATUK HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, P.G.D.K., A.M.N., B.C.K., P.B.S., J.P. (Baling).
- „ TUAN SHAMSUDDIN BIN DIN, P.P.N. (Grik).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIBAT ANAK TAGONG *alias* SIBUT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB, A.M.P. (Parit Buntar).
- „ TUAN SU LIANG YU (Beruas).
- „ DR. TAN CHEE KHOON (Kepong).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bukit Mertajam).
- „ DATUK JAMES STEPHEN TIBOK, P.G.D.K., A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN WEE HO SOON (Bandar Sibu).
- „ TUAN YANG SIEW SIANG, P.B.S. (Miri-Subis).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN HAJI YUSOF RAWA *alias* HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH, J.P. (Ulu Muda).
- „ TENGGU ZAID AL-HAJ BIN TENGGU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas).
- „ WAN ZAINAB BINTI M.A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ZAKARIA BIN ISMAIL, P.B. (Rantau Panjang).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Kanan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P.B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy  
Louis Yeoh Sim Ngoh  
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah  
Suhor bin Husin  
Amran bin Ahmad  
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof  
Margaret Chye Kim Lian  
Puan Ng Chong Kin  
Puan Kong Yooi Thong  
Juliah binti Awam  
Supiah binti Dewak  
Ismail bin Hassan  
Shamsiah binti Mohd. Yusof  
Kalsom binti Ghazali

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad

MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT

---

Selasa, 6hb Disember, 1977

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

**DOA**

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-*  
*pengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN  
PERTANYAAN**

**TRIBUNAL PERKHIDMATAN AWAM**

**1. Dr. Chen Man Hin** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan samada satu tribunal telah ditubuhkan selepas Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 diluluskan dalam bulan Julai untuk menyelesaikan anomoli-anomoli di bawah sekim gaji baru bagi kakitangan-kakitangan awam dan jika ya, berapa kes yang telah dirujuk dan diselesaikan oleh tribunal ini.

**Timbalan Perdana Menteri (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad):** Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Tribunal Perkhidmatan Awam 1977 yang telah mendapat persetujuan di Raja pada 27hb Ogos, 1977 telah diterbitkan dalam Warta pada 1hb September, 1977. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah berkenaan melantik Yang Arif Datuk Abdul Hamid bin Haji Omar, Hakim Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur sebagai Pengerusi Tribunal tersebut.

Pada masa ini Kerajaan sedang menim-  
bangkan perlantikan ahli-ahli Penal Tribunal

menurut peruntukan di dalam Akta Tribunal Perkhidmatan Awam 1977. Sehingga ahli Penal dilantik Tribunal Perkhidmatan Awam itu belumlah dapat berjalan untuk menim-  
bangkan tuntutan anomoli-anomoli yang di-  
rujuk kepada. Walau bagaimanapun, kerja-kerja menyusun pentadbiran Tribunal serta persediaan aturan peraturan dan atur-  
cara hearing di hadapan Tribunal sedang  
dijalankan. Dengan ini adalah diharap  
apabila sahaja ahli-ahli Penal dilantik kes-kes  
anomoli dapat dikemukakan kepada Tribunal  
tanpa gangguan kerana masalah-masalah  
pentadbiran.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengatakan berapa lama lagi ahli-ahli Penal boleh dilantik supaya Tribunal itu boleh menjalankan tugasnya serta-merta.

**Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, ahli-ahli Penal yang telah dicadangkan telahpun memberi per-  
setujuan mereka dan sekarang ini dikemuka-  
kan kepada Kabinet dan selepas itu memerlu  
persetujuan daripada Duli Yang Maha Mulia  
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.  
Selepas itu maka dapatlah Tribunal ini ber-  
jalan mengikut aturan peraturannya dan  
adalah dijangka bahawa kerjanya dapat  
dimulakan pada 1hb Januari, 1978

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang  
Berhormat Tuan Haji Ja'afar bin Hamzah.

*(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Ja'afar bin  
Hamzah tidak hadir)*

### SYARIKAT KERJASAMA NELAYAN PULAU PANGKOR

3. **Dr. Chen Man Hin** minta Menteri Pertanian menyatakan samada langkah-langkah sedang diambil untuk membantu nelayan-nelayan di Pulau Pangkor memiliki kapal-kapal dan kapal-kapal pukut tunda dan samada terdapat rancangan untuk melatih dan melengkapinya nelayan-nelayan kita untuk menangkap ikan di lautan dan di perairan-perairan yang mendalam supaya dapat menambahkan tangkapan mereka serta memberikan pengguna-pengguna ikan yang murah.

**Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Edmund Langgu anak Saga):** Tuan Yang di-Pertua, MAJUIKAN sedang menguruskan satu rancangan sewa-beli 3 buah bot pukut tunda. Bot-bot tersebut disewa-belikan kepada nelayan-nelayan melalui Syarikat Kerjasama Nelayan Pulau Pangkor.

Mengenai Latihan, rancangan telah memang sedia diadakan Jabatan Perikanan telah memberikan latihan kepada nelayan-nelayan di Pusat-pusat Perikanan Laut di Pulau Pinang dan Kuala Trengganu.

Selain dari itu, beberapa orang nelayan tempatan digunakan dalam satu projek MAJUIKAN dengan kerjasama sebuah Syarikat Perikanan Korea, untuk mengkaji sumber perikanan laut dalam 50 batu ke atas termasuk Pantai Timur Semenanjung dan Sarawak. Dengan cara ini nelayan-nelayan itu dapat menjalankan latihan sebagai persediaan untuk penangkapan laut dalam masa akan datang.

MAJUIKAN juga sedang membina 10 buah bot pukut tunda berat 80 tan untuk kegunaan bagi menangkap ikan di perairan 30 batu ke atas. Nelayan-nelayan yang akan mengendalikan bot-bot ini, sebahagian besarnya terdiri dari lepasan Instituti Perikanan, akan mendapat pengalaman serta latihan bagi mengen-

dalikan bot-bot yang lebih besar pada masa akan datang.

### BARAH PUNCA DARI ROKOK

4. **Wan Zainab binti M.A. Bakar** minta Menteri Kesihatan menyatakan adakah beliau sedar:—

- (a) salah satu punca kepada penyakit barah adalah berpunca dari rokok; dan
- (b) iklan-iklan mengenai rokok terlalu banyak disiarkan pada waktu ini dalam semua bidang sebaran am, talivisyen dan akhbar-akhbar.

Jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

**Menteri Kesihatan (Tan Sri Dato' Lee Siok Yew):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah benar bahawa merokok adalah salah satu sebab terjadinya barah. Lebih dari itu, menghisap rokok ialah punca utama yang menyebabkan barah paru-paru, mulut, juga penyakit-penyakit seperti chronic bronchitis, emphysema dan sakit jantung.
- (b) Saya juga sedar akan berbagai-bagai iklan rokok yang dicetak atau disiarkan melalui sebaran am termasuk radio, talivisyen dan akhbar. Kementerian saya sungguh bimbang akan kandungan dan mutu iklan-iklan tersebut. Kebanyakan dari iklan-iklan ini menekankan kejayaan-kejayaan akademik dan sosial, inspirasi dan berbagai-bagai kejayaan sebagai hasil dari menghisap rokok. Kenyataan-kenyataan yang palsu ini dari pengiklan dan penganjur mempengaruhi orang ramai terutamanya belia-belie kita kepada kepercayaan bahawa menghisap rokok itu baik untuk mereka.

Berhubung dengan bahaya kesihatan merokok, Kerajaan kita, setelah menimbang dengan mendalam bukti-bukti saintifik

akibat daripada penyelidikan saintifik yang bertahun-tahun dan kajian-kajian bersetuju dengan keputusan-keputusan Pertubuhan Kesihatan Sedunia dan lain-lain Kerajaan yang bertanggungjawab bahawa merokok membahayakan kesihatan. Selanjutnya, Kementerian Kesihatan telah mengambil langkah-langkah permulaan untuk memberi amaran kepada orang ramai dengan tanda amaran kesihatan "AMARAN KERAJAAN: MEROKOK MEMBAHAYAKAN KESIHATAN" di atas setiap kotak rokok dan melancarkan kempen anti-merokok pada 16hb Oktober, 1977.

Berhubung dengan iklan-iklan rokok di radio, talivisyen, dan akhbar-akhbar, Kementerian saya sedang bekerja rapat dengan Kementerian Penerangan:—

- (1) Untuk mengawal mutu dan kandungan-kandungan iklan rokok terutamanya bagi mencegah kenyataan-kenyataan yang palsu dan mendorong, yang dibuat oleh iklan-iklan rokok;
- (2) Untuk memastikan bahawa tanda amaran kesihatan "Amaran Kerajaan: Merokok Membahayakan Kesihatan" dipamirkan dengan jelasnya di setiap iklan rokok, di talivisyen, pawagam-pawagam, papan-papan kenyataan dan percetakan-percetakan;
- (3) Untuk mendapatkan masa Sebaran Am Kerajaan untuk mengadakan pelajaran kesihatan terhadap bahayanya merokok.

**Tuan Hishamuddin bin Haji Yahaya:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri berkenaan ada menyatakan bahawa usaha sedang dibuat dengan Talivisyen Malaysia untuk mengawal penerangan yang palsu di dalam iklan-iklan. Jadi ini bermakna iklan itu masih diteruskan cuma penerangan palsu sahaja yang dikawal. Jadi saya ingin bertanya mengapakah Kementerian ini tidak boleh mencadangkan supaya iklan itu dihapuskan langsung di dalam TV. Begitu

juga dengan iklan di dalam pawagam-pawagam dan poster-poster.

**Tan Sri Dato' Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, yang sebenarnya Kementerian ini adalah berhubung dengan Kementerian Penerangan dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian supaya langkah-langkah yang baik diambil supaya iklan-iklan yang seperti ini akan diubah dari semasa ke semasa. Kita harap kepada syarikat-syarikat iklan akan mengikut nasihat-nasihat daripada Kementerian yang berkenaan pada masa yang akan datang.

#### KAD PENGENALAN KHAS PESARA-PESARA

5. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan samada Kerajaan dapat mengadakan satu 'kad pengenalan' khas kepada pesara-pesara kerana ini akan memudahkan mereka untuk mengambil wang di pejabat pos atau mendapat rawatan di hospital.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan S. Subramaniam):** Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tiap-tiap pesara telah diberi satu kad rawatan bagi pengenalan mereka untuk mendapat kemudahan rawatan perubatan di hospital-hospital Kerajaan. Bagi maksud pembayaran pencen pula, pesara-pesara adalah diberi Buku Waran Pos yang mengandungi 12 helai yang ingin menerima wang pencennya di Pejabat-pejabat Pos. Mereka hendaklah menghadiri diri di Pejabat-pejabat Pos yang mereka namai apabila hendak mengeluarkan wang pencen mereka itu dengan menyerahkan Waran Pos bagi maksud penerimaan serta menunjukkan kad pengenalan kepada Pegawai-pegawai Pos Pembayar Pencen. Bagi pesara-pesara yang mempunyai kira-kira dengan mana-mana bank, Waran Cek adalah dikeluarkan tiap-tiap bulan untuk mereka mengurus dengan banknya masing-masing.

Kajian sedang dibuat dengan tujuan memperbaiki lagi kad rawatan pesara yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk pelbagaiguna Jabatan-jabatan Kerajaan. Walau bagaimanapun, kad-kad yang akan dikeluarkan tidak boleh menggantikan kad pengenalan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara.

### HOSPITAL KAPIT

**6. Tuan Thomas Salang Siden** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kesihatan menyatakan samada Kerajaan bercadang untuk memperbesarkan Hospital Kerajaan di Kapit dalam Bahagian Ketujuh Sarawak atau menambahkan lebih banyak lagi bilik-bilik untuk pesakit-pesakit oleh kerana bilangan bilik yang ada sekarang tidak mencukupi untuk menerima orang-orang sakit dalam daerah Kapit.

**Tan Sri Dato' Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, Hospital Kapit telah diambilalih dari Methodist Mission pada 4hb Julai 1974. Jumlah katil yang ada ketika itu ialah 74 buah. Dalam bulan September 1974, sebanyak 26 buah katil lagi telah ditambah menjadikan jumlah 100 buah kesemuanya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kemasukan pesakit-pesakit ke hospital itu bagi satu-satu tahun sejak diambilalih pada tahun 1974 adalah seperti berikut:—

|             |       |       |       |       |                |
|-------------|-------|-------|-------|-------|----------------|
| Tahun:      | 1974  | 1975  | 1976  | 1977  | (sehingga Jun) |
| Kemasukan : | 2,099 | 2,712 | 2,934 | 1,422 |                |

dan kadar penginapan (occupancy rate) secara purata pada sesuatu masa bagi tahun 1976 ialah 71 manakala bagi bulan Jun tahun ini, kadarnya ialah 77.

Dari angka-angka di atas, jelaslah bahawa Hospital Kapit mampu memberi perkhidmatan kepada penduduk-penduduk di Bahagian itu. Oleh itu, Kerajaan kita tiada apa-apa rancangan untuk memperbesarkan hospital itu lagi buat masa ini.

### LAPANGANTERBANG SUBANG PERKHIDMATAN BAS/TEKSI

**7. Tuan Mak Hon Kam** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:—

- (a) apa tindakan-tindakan telah diambil oleh beliau supaya menjamin pemandu-pemandu teksi di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur mengambil wang tambang mengikuti pengukur (meter), oleh kerana sungguhpun timbulnya pengaduan-pengaduan daripada orang ramai, pemandu-pemandu itu masih minta pembayaran tambang yang lebih; dan
- (b) samada beliau akan membenarkan lebih banyak bas-bas berjalan antara lapanganterbang dan Petaling Jaya dan Kuala Lumpur.

**Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perkara perkhidmatan teksi di Lapanganterbang Subang sedang diuruskan dengan segera oleh Jabatan Pengangkutan Jalan dan Perbadanan Kemajuan Pelancungan.
- (b) Ingin dimaklumkan bahawa pada masa sekarang ada dua buah syarikat bas yang menjalankan perkhidmatan antara Kuala Lumpur ke Subang iaitu Syarikat Sri Jaya dan Syarikat Kuala Lumpur-Klang. Syarikat Sri Jaya membuat perkhidmatan sebanyak 12 trip dari Subang ke Kuala Lumpur dan 11 trip dari Kuala Lumpur ke Subang. Sementara itu Syarikat Kuala Lumpur-Klang pula membuat perkhidmatan sebanyak 11 trip pergi-balik tiap-tiap hari.

Pada masa sekarang tidak ada cadangan untuk menambah bilangan syarikat bas yang akan menjalankan perkhidmatan antara Kuala Lumpur/Subang.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa setengah-setengah teksi itu tidak ada meter langsung, kerana kereta-kereta itu diistilahkan sebagai pirate taxi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar di atas wujudnya pirate taxi yang tidak ada meter langsung, memberi perkhidmatan di kawasan itu.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar akan tetapi kalau Ahli Yang Berhormat ada butir-butir yang menunjukkan bahawa teksi-teksi yang berkenaan tidak ada meter langsung dan menghantarkan butir-butir tersebut kepada Kementerian saya, kami akan siasat dan ambil tindakan.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah soalan saya ini dianggap sebagai maklumat rasmi dan bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengambil tindakan bahawa adanya kegiatan-kegiatan pirate taxi di Lapanganterbang Subang.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah menyatakan kalau ada beritahu sahaja kepada beliau.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya itu merupakan maklumat.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Maksud itu umum sahaja. Kalau ada nombor teksi itu dapat diberitahu, tindakan boleh diambil.

#### PERKHIDMATAN TELEKS

**8. Tuan A.K. Aliuddin** bertanya kepada Menteri Perhubungan samada beliau sedar bahawa hubungan teleks antara Kota Kinabalu dengan Kuala Lumpur sering terganggu sejak akhir-akhir ini. Jika sedar, nyatakan sebab-sebabnya dan apakah langkah-langkah yang

sedang diambil oleh Kementerian ini bagi mengatasi masalah tersebut.

**Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui):** Tuan Yang di-Pertua, rakan saya Menteri Perhubungan sedar sejak akhir-akhir ini, hubungan perkhidmatan teleks di antara Kota Kinabalu dengan Kuala Lumpur telah terganggu dan ini adalah disebabkan oleh kerosakan alat standby generator set di Pejabat Talikom Kota Kinabalu.

Dalam bulan Julai tahun ini, telah berlaku 3 kali gangguan yang berjumlah 38 minit, dalam bulan Ogos 2 kali gangguan berjumlah 173 minit dan dalam bulan September 5 kali gangguan berjumlah 68 minit.

Berlakunya gangguan tersebut adalah di luar dugaan. Walau bagaimanapun tindakan telah diambil untuk menggantikan alat standby generator set supaya perkhidmatan yang lebih baik dan sempurna dapat diberi kepada pelanggan-pelanggan teleks.

#### KOMPLEKS LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA

**9. Tuan Shaari bin Jusoh** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan adakah Kementerian yang berkenaan sedar bahawa, semua Kompleks Lembaga Padi dan Beras Negara di Malaysia dan khususnya di Perlis menjalankan kerja mengikut masa pejabat dan dalam musim hujan banyak merosakkan padi petani-petani. Tidakkah Kementerian yang berkenaan bercadang akan mengadakan perkhidmatan terus dengan mengadakan giliran pekerja siang dan malam seperti yang dijalankan oleh syarikat-syarikat seperti kilang-kilang gula dan simen.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman):** Tuan Yang di-Pertua, perkara samada Kompleks-kompleks Lembaga Padi dan Beras Negara akan bekerja siang malam atau ikut waktu

pejabat sahaja adalah bergantung kepada keadaan beban kerja yang diterima dari semasa ke semasa. Jika kerja itu banyak seperti keadaan masa menuai, di musim hujan kompleks-kompleks ini akan bekerja siang dan malam atau lebih daripada masa biasa.

### PENAGIH DADAH

**10. Tuan Haji Jamil bin Ishak** minta Menteri Undang-undang menyatakan adakah kedudukan penagih-penagih dadah di seluruh negara pada hari ini berkurangan atau bertambah.

**Timbalan Menteri Undang-undang (Tuan Rais Yatim):** Tuan Yang di-Pertua, mengikut perangkaan bilangan penagih-penagih dadah yang datang untuk mendapat rawatan di hospital bagi tempoh enam bulan pertama tahun 1977 ialah seramai 1,773 orang. Bilangan mereka yang datang untuk mendapat rawatan di hospital-hospital bagi tempoh yang sama tahun 1976 ialah 1,232 orang. Berdasarkan kepada angka ini kesimpulannya ialah ramai penagih-penagih dadah telah sedar akan keburukan penagihan itu. Ini ialah hasil dari kempen-kempen yang diusahakan oleh Kerajaan, PEMADAM dan lain-lain Pertubuhan Sukarela.

### DOKTOR PELATIH

**11. Tuan Oo Gin Sun** minta Menteri Kesihatan menyatakan jika beliau sedar yang Doktor-doktor Pelatih di hospital-hospital tiada merasai senang dengan gaji yang dipelawakan kepada mereka sebagai Doktor Pelatih dan samada beliau mengambil langkah-langkah untuk memperbetulkan kedudukan ini.

**Tan Sri Dato' Lee Siok Yew:** Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa Doktor-doktor Pelatih di hospital-hospital tidak senang hati dengan gaji baru mereka. Kementerian saya

sedang membincangkan masaalah-masaalah Doktor Pelatih dengan pihak-pihak yang berkaitan supaya dapat diselesaikan dengan baik.

### RANCANGAN PEMBANGUNAN TANAH AWAM

**12. Tuan Mak Hon Kam** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan samada memandangkan kepada tanah-tanah yang sedia ada berbanding dengan bilangan orang-orang yang tidak bertanah, satu kajian semula telah dijalankan supaya menjamin bahawa luasnya kepunyaan tanah (the size of holdings) bagi sekim-sekim perkembangan tanah awam baru akan memberi faedah kepada lebih banyak orang-orang yang tidak bertanah dan mereka mempunyai tanah-tanah yang tidak berekonomi (those with uneconomic holdings):

- (a) apakah luasnya kepunyaan tanah perseorangan atas sekim-sekim tanah awam itu; dan
- (b) sila beri angka-angka peruntukan kepunyaan tanah berasas atas golongan kaum semenjak permulaan Rancangan Malaysia Ketiga.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Haji Embong bin Yahya):** Tuan Yang di-Pertua, dalam perancangan pembangunan tanah, Kerajaan memanglah ada membuat kajian mengenai peruntukan saiz lot dalam rancangan-rancangan pembangunan tanah awam untuk memastikan seramai yang mungkin rakyat-rakyat miskin dapat ditempatkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah mengurangkan saiz lot rancangan-rancangan FELDA bagi getah dan kelapa sawit daripada seluas 12 dan 14 ekar kepada 10 ekar bagi sekeluarga peserta.

Walau bagaimanapun, adalah ditekankan di sini bahawa peruntukan keluasan lot-lot peserta tidak boleh diubah sesuka hati kerana

Kerajaan juga bertanggungjawab untuk memastikan supaya pendapatan daripada pemberian saiz lot itu adalah lumayan bagi menanggung peserta dan keluarganya, serta membolehkan Kerajaan mengutip balik pinjaman hutang daripada peserta kemudian.

- (a) Luas lot kepunyaan peserta-peserta rancangan tanah untuk FELDA semenjak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketiga ialah 10 ekar bagi tiap-tiap keluarga peneroka, sementara FELCRA memperuntukkan pula satu saham bernilai 10 ekar tanah bagi tiap-tiap peserta belianya. Bagi rancangan-rancangan tanah yang dikelolakan oleh lain-lain agensi, agensi-agensi tersebut mempunyai dasar masing-masing dalam peruntukan saiz lot rancangan pembangunan tanah mereka mengikut keadaan kedapatan tanah dan sosio-ekonomi negeri-negeri berkenaan.
- (b) Soalan ini tidaklah begitu jelas. Jika sekiranya soalan ini bermaksud untuk mendapat tahu mengenai jumlah pemilik dan keluasan tanah yang dipunyai oleh tiap-tiap seorang menurut golongan-golongan kaum, perkara ini amatlah sukar kerana ianya melibatkan beberapa buah agensi pembangunan tanah dan juga pejabat-pejabat tanah yang berkenaan.

### REFORMED MARRIAGE BILL

**13. Puan Chow Poh Kheng** minta Menteri Undang-undang menyatakan bilakah "Reformed Marriage Bill" akan dilaksanakan, kerana Rang Undang-undang itu telahpun diluluskan dalam bulan Disember, 1975 dan diwartakan dalam bulan April, 1976.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, Akta Membaharui Undang-undang Perkahwinan dan Penceraian 1976 tiada dikuatkuasakan lagi oleh kerana beberapa implikasi dari segi undang-undang dan pentadbiran

yang harus diselenggarakan terlebih dahulu. Di bawah undang-undang tersebut apabila dikuatkuasakan segala cara perkahwinan yang diamalkan oleh penduduk negara ini yang berbilang agama dan kaum selain daripada perkahwinan orang-orang Islam akan didaftarkan di bawah dan tertakluk kepada undang-undang ini. Ini bermakna bahawa Kerajaan dikehendaki melantik seorang Pendaftar Besar Perkahwinan, penolongnya dan pegawai-pegawai pendaftaran lain, dan menyusun serta membaharui semula jentera pendaftaran yang ada sekarang. Di samping pendaftaran di negeri ini Kerajaan juga perlu menyediakan kemudahan-kemudahan pendaftaran di kedutaan-kedutaan serta Suruhanjaya di negeri-negeri asing untuk mengelolakan pendaftaran penduduk biasa negeri ini yang berkahwin di luar negeri.

Di bawah Seksyen 108 (2) Undang-undang tersebut beberapa kaedah mengenai cara mendaftar, pendaftar menjalankan kuasa, menyimpan perakuan-perakuan perkahwinan dan lain-lain kehendak pentadbiran perlulah disempurnakan. Atas sebab-sebab inilah maka Undang-undang tersebut belum lagi dapat dikuatkuasakan bagi memenuhi kehendak Ahli Yang Berhormat itu.

**Tuan S. Samy Vellu:** Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu Dewan ini bilakah masanya kita akan melaksanakan Undang-undang itu?

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu sudahpun saya jawab sebentar tadi dengan menyatakan bahawa apabila masaalah-masaalah ini telah dapat diatasi oleh Kerajaan oleh kerana ianya semua memerlukan kewangan yang besar maka pelaksanaan Undang-undang tersebut akan dijalankan.

**Dr. Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan pelaksanaan Akta tersebut memakan perbelanjaan yang besar. Bolehkah beliau beritahu kepada

Dewan ini berapa wang yang dikehendaki supaya Akta itu akan dilaksanakan atau dijalankan?

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan kehendak-kehendak dan peruntukan-peruntukan Undang-undang di bawah suatu Akta seperti ini tidak dapat dipastikan pada masa ini jumlah wang yang tepat melainkan hanya setelah diadakan beberapa langkah untuk mengkaji dan menentukan menerusi keperluan-keperluan pentadbiran dan struktur serta jentera yang diperkuatkan di bawah peruntukan-peruntukan tersebut. Kerajaan berpendapat bahawa implikasi kewangan selain daripada pentadbiran di bawah Akta ini adalah berat dan oleh itu pengkajian yang amat teliti atas pelaksanaan kewangannya hendaklah dijalankan terlebih dahulu.

**Dr. Tan Chee Khoon:** Soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar Akta tersebut telah digezetkan sudah 1½ tahun dan bukannya masa itu adalah mencukupi implikasi Akta tersebut dikaji dengan teliti dan mendalamnya oleh Kerajaan.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Soalan tambahannya apa?

**Dr. Tan Chee Khoon:** Soalan tambahannya ialah masa selama 1½ tahun bukannya itu mencukupi bagi Kerajaan boleh mengkaji implikasi Akta tersebut dengan telitinya dan mendalam sebelum Kerajaan melaksanakan Akta tersebut.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Inipun jawapannya sudah diberi dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jelaskan sekadarkan tetap tarikhnya, berapa haribulan, berapa lama — itu sahaja yang belum dapat dinyatakan sekarang. Kalau ada Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak tambah? Tidak ada!

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Kalau tidak silap apa yang saya faham daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah bahawa pihak Kerajaan atau Kementerian yang berkenaan tidak tahu masa implikasi kewangan. Soalan saya ialah kenapa selepas hampir 2 tahun selepas Akta ini diluluskan dan 1½ tahun Akta ini digezetkan Kerajaan tidak dapat membuat satu tafsiran mengenai implikasi kewangan yang akan berbangkit daripada pelaksanaan Akta ini iaitu berapa banyak wang akan digunakan setiap tahun, itu satu soalan yang tepat.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan saya, saya tidak menyatakan bahawa hanya implikasi kewangan itu yang menjadi batu penghalang kepada pelaksanaan Akta ini malahan kewangan itu hanyalah salah satu daripada sebab-sebab kenapa Kerajaan perlu lebih teliti dalam tempoh tersebut dan mungkin bagi tempoh sedikit lagi untuk melaksanakan Akta ini. Apa yang penting kita ketahui ialah bahawa menerusi Akta ini, jika hendak dilaksanakan, Kerajaan perlu menyesuaikan pentadbiran di semua negeri di peringkat Pusat di luar negeri dan di beberapa tempat yang lain supaya rakyat manakala Akta ini telah dilaksanakan tidak ditimpa oleh mana-mana kesilapan pentadbiran. Kementerian Undang-undang adalah mengambil berat tentang soal ini dan mengikhtiarkan supaya pelaksanaan Akta ini dapat dilaksanakan menurut hasrat penyoal soalan yang pertama.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Selain daripada batu penghalang lain, saya hendak bertanya satu batu penghalang sahaja ialah implikasi kewangan. Adakah Kementerian yang berkenaan tahu angka-angka dan apa implikasi kewangan yang akan terlibat kalau Akta ini dilaksanakan ataupun Kementerian berkenaan tidak tahu.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sudah jawab belum ada angka yang tepat. Kalau hendak main agak-agak bolehlah.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bukan, kita bertanya samada tahu ataupun tidak, agak-agak sahajapun tidak ada.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Itupun sudah dijawab tadi. Kalau hendak jawab lagi bolehlah.

**Tuan Rais Yatim:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka ini memang gemar bertikam lidah dengan saya, jadi biarlah saya tikam beliau setelah beliau mengeluarkan kata-kata itu. Soal samada Kementerian ini tahu atau tidak, tidak timbul oleh kerana kita mempunyai satu Kementerian Kewangan yang mempunyai tugas khusus untuk menilai tentang implikasi kewangan mana-mana Kementerian — itu beliau tahu saya harap.

**Tuan Lim Kit Siang:** (*Bangun*).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Cukuplah (*Ketawa*).

#### LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SYARIKAT

**14. Tuan Thomas Salang Siden** minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil lawatannya ke Jepun dan Amerika Syarikat.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Zakaria bin Haji Abdul Rahman):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab bagi pihak Perdana Menteri dan menyatakan bahawa Yang Amat Berhormat Datuk Perdana Menteri telahpun menjawab soalan yang serupa ini ketika menjawab soalan-soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Padang Terap pada 24hb Oktober, daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 1hb November dan daripada Ahli Yang Berhormat dari Tanjong Karang pada 7hb November. Tidak ada apa-apa lagi yang perlu ditambah kepada jawapan-jawapan tersebut.

#### PENGUNDI-PENGUNDI DIDAFATAR TAHUN 1977

**15. Tuan Hashim bin Ghazali** minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar pengundi-pengundi di dalam tahun 1977 lebih daripada pengundi-pengundi tahun 1976; jika sedar, berapakah ramai pengundi-pengundi baharu yang didaftar dalam tahun 1977 dan berapa ramai pengundi-pengundi yang ada pada masa ini mengikut kaum.

**Tuan S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, saya memang sedar bahawa bilangan mereka yang telah mendaftar sebagai pemilih dalam tahun 1977 adalah jauh lebih ramai jika dibandingkan dengan bilangan mereka yang telah mendaftar dalam tahun 1976. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, lebih daripada 880,000 orang telah mendaftar dalam tahun 1977, sementara dalam tahun 1976 hanya kira-kira 131,000 orang sahaja yang telah mendaftar sebagai pemilih. Di samping itu publisiti yang luas yang telah diberikan oleh sebaran am terutamanya Radio, TV, Jabatan Penerangan dan akhbar-akhbar tempatan telah membangkitkan kesedaran orang ramai terhadap hak mengundi mereka. Selain daripada itu parti-parti siasah pada tahun ini nampaknya begitu giat sekali memberi dorongan kepada mereka yang layak supaya pergi mendaftar sebagai pemilih.

Di sini suka saya memberitahu bahawa daripada 880,000 orang yang telah memohon didaftarkan itu, kira-kira 680,000 adalah permohonan baru, sementara bakinya adalah permohonan untuk bertukar alamat. Di samping tambahan sebanyak 880,000 itu sebanyak kira-kira 238,000 potongan telah dibuat dalam daftar pemilih disebabkan oleh pertukaran alamat, pergandaan, mati dan lain-lain. Oleh itu, tambahan bersih kepada bilangan pemilih yang sedia ada iaitu 4.4 juta orang ialah kira-kira 642,000 dan dengan tambahan ini maka bilangan pemilih dijangka akan melebihi angka 5 juta orang apabila ianya disahkan pada tahun hadapan.

Mengenai bilangan pemilih mengikut kaum pula, dukacita saya nyatakan di sini bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak mengumpul maklumat-maklumat sedemikian kerana ianya tidak diperlukan oleh Perlembagaan Persekutuan.

### WANG KERTAS PALSU

**16. Tuan Jonathan Narwin anak Jinggong** minta Menteri Kewangan menyatakan berapa jumlahnya nilai wang kertas palsu yang sudah dirampas oleh Kerajaan di dalam tahun 1975, 1976 dan hingga 30hb Jun, 1977 di seluruh Negara kita ini.

**Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah nilai matawang kertas palsu yang dirampas di Malaysia dan Brunei antara tahun 1975 hingga bulan Oktober, 1977 ialah \$155,100, seperti berikut:—

| Tahun                       | Bilangan keping dirampas | Nilai muka       |
|-----------------------------|--------------------------|------------------|
| 1975                        | 29                       | \$ 1,450         |
| 1976                        | 480                      | 24,000           |
| 1977 (hingga bulan Oktober) | 2,593                    | 129,650          |
| Jumlah                      | <u>3,102</u>             | <u>\$155,100</u> |

Semua wang kertas palsu yang dirampas itu adalah bernilai \$50 tiap-tiap satu.

### LESEN RUNCIT/BORONG

**17. Datuk Loh Fook Yen** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan, mengikut negeri di seluruh Malaysia, sejak tahun 1975 sehingga sekarang berapakah bilangan lesen-lesen beras runcit dan pemborong yang telah dikeluarkan.

**Tuan Abdul Manan bin Othman:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah bilangan lesen-lesen runcit dan borong yang telah dikeluarkan

antara 1975-1977 (mengikut negeri) adalah seperti berikut:—

| Negeri         | Lesen Runcit | Lesen Borong |
|----------------|--------------|--------------|
| Selangor       | 1,273        | 145          |
| Perak          | 611          | 77           |
| Negri Sembilan | 326          | 19           |
| Pulau Pinang   | 285          | 57           |
| Kedah          | 199          | 60           |
| Melaka         | 200          | 14           |
| Johor          | 818          | 65           |
| Pahang         | 425          | 45           |
| Sarawak        | 436          | 80           |
| Trengganu      | 488          | 52           |
| Kelantan       | 172          | 46           |
| Perlis         | 35           | 16           |

### KENAIKAN GAJI

**18. Tuan Mohd. Salleh bin Datuk Haji Panglima Abdullah** bertanya kepada Menteri Kewangan:

- (a) berapa jumlah sebenarnya tunggakan gaji kebelakangan yang telah dibayar kepada kakitangan Kerajaan semenjak penyemakan gaji kabinet dilaksanakan dan adakah Kerajaan sedar bahawa dengan kenaikan gaji ini orang-orang yang tidak makan gaji dengan Kerajaan terpaksa menanggung beban yang sangat berat oleh kerana dengan kenaikan harga barang-barang dan sebagainya; dan
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa dengan kenaikan gaji dalam masa 5 tahun sekali telah menaikkan harga barang-barang keperluan begitu tinggi dan menyebabkan inflasi dalam negeri sendiri dan menyusahkan rakyat terutama sekali di luar bandar dan adakah Kerajaan bercadang hendak menaikkan gaji kakitangan kerajaan setiap 5 tahun sekali buat masa hadapan ini atau ada rancangan kerajaan untuk mengatasi keadaan gaji pekerja-pekerja Kerajaan yang tak habis-habis masalahnya.

**Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:** Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini bayaran tunggakan gaji kebelakangan bagi pegawai-pegawai Kerajaan dan pekerja-pekerja Badan Berkanun sedang dilaksanakan dan akan mengambil masa mengumpulkan maklumat-maklumat dari beberapa pejabat pembayar di seluruh Malaysia bagi mengetahui jumlah sebenarnya yang telah dibayarkan. Walaupun demikian, kesemua bayaran adalah ditaksirkan sebanyak lebih kurang \$680 juta yang dibayarkan beransur-ansur.

Kerajaan sedar atas kenaikan harga sebilangan barang-barang keperluan dan ini merupakan kesan daripada inflasi yang dihadapi oleh dunia seluruhnya. Dan pembayaran tunggakan gaji kepada Pegawai-pegawai Kerajaan baru-baru ini secara tidak langsung ada menyebabkan kenaikan harga barang-barang keperluan tetapi oleh kerana tindakan Kerajaan, cara pembayaran tunggakan gaji itu tidak membawa kesan sebagaimana yang dijangkakan.

Usaha mengkaji kedudukan gaji Pegawai-pegawai Kerajaan hanya ditimbangkan bila mana difikirkan perlu dan tidaklah semestinya ditentukan selama 5 tahun sekali iaitu dikaji apabila difikirkan mustahak dari segi muslihat negara membuat demikian.

*(Jawapan bagi Pertanyaan No. 2 adalah diberi di bawah ini).*

## KENAIKAN HARGA BARANG

**2. Tuan Haji Ja'afar bin Hamzah** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan iaitu sehingga hari ini apakah kesan-kesan yang diperolehi atas langkah-langkah yang telah dijalankan oleh Kementerian yang berkenaan berhubung dengan mencegah kenaikan harga barang-barang keperluan bagi menjamin barang-barang yang diperlukan oleh semua rakyat tetap mencukupi di dalam pasaran dan apakah tindakan selanjutnya bagi memperkuatkan lagi keadaan

mencegah kenaikan harga barang-barang keperluan.

**Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Seri Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah):** Langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Kementerian saya untuk mencegah kenaikan harga dan mengawasi kedudukan bekalan barang-barang keperluan telah mendatangkan hasil yang berkesan dari segi menstabilkan harga dan memastikan bekalan yang mencukupi di pasaran tempatan. Harga bagi barang-barang keperluan seperti gula, tepung gandum, susu, minyak tanah, minyak disel dan sebagainya adalah didapati stabil dan baru-baru ini harga tepung gandum telah juga diperturunkan sebanyak 5 sen sekati. Mengenai barang-barang yang diimport dari luar negeri seperti cili kering, ubi kentang dan sebagainya harga bagi barang-barang tersebut adalah tertakluk kepada keadaan bekalan dan harga di negara-negara pengeluar dan Kementerian saya sentiasa mengawasi keadaan harga dengan mengadakan perundingan-perundingan dengan pengimport-pengimport barang-barang tersebut terutama sekali menjelang musim-musim perayaan. Dengan menguatkuasakan peraturan-peraturan kawalan bekalan Kementerian saya juga telah dapat mengawasi kedudukan bekalan barang-barang keperluan di peringkat pengilang dan pengedar-pengedar. Tindakan seperti ini telah memastikan bekalan yang mencukupi dan menstabilkan harga barang-barang tersebut kepada pengguna-pengguna.

Amalan-amalan ini akan dijalankan demi kepentingan orang ramai dan dari masa ke semasa langkah-langkah tersebut akan juga diubahsuai lagi untuk memberi kesan ke atas tindakan-tindakan mengawasi bekalan dan harga.

## KENYATAAN MENTERI PERHUBUNGAN

**Trajidi Kapal terbang MAS B737**

3.14 ptg.

**Menteri Perhubungan (Tan Sri V. Manickavasagam):** Tuan Yang di-Pertua, saya

berada di Dewan yang mulia ini dengan perasaan yang amat sedih untuk membuat satu kenyataan mengenai sebuah kapal-terbang MAS jenis Boeing 737 yang telah jatuh terhempas pada malam hari Ahad, 4hb Disember, 1977 yang lalu.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan betapa terharunya negara keseluruhannya dan bagi beliau sendiri di atas trajidi ini. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan takziah dan rasa terharu saya kepada kaum keluarga dan waris mereka yang telah terkorban di dalam trajidi ini.

Kapal-terbang yang saya maksudkan itu ialah Penerbangan MH 653 yang telah berlepas dari Pulau Pinang pada pukul 7.21 malam menuju ke Kuala Lumpur dan sampai di Batu Arang Radio beacon, dan dijangka mula mendarat di Lapangan-terbang Kuala Lumpur dari paras setinggi 4,000 kaki pada pukul 7.46 malam. Pada pukul 7.47 malam pemandu kapal-terbang itu melaporkan "653 going round" dan Pusat Pengawalan Penerbangan Udara telah menjawab "653 is cleared to land, surface wind calm". Pemandu itu kemudian melaporkan sekali lagi dengan berkata "over-shooting". Selepas itu sebuah kapal-terbang MAS yang lain yang mengikut di belakang Penerbangan 653 bertanya "What's your problem" dan dijawab pula oleh pemandu "We have an emergency on board". Kapal-terbang yang menunda penerbangan 653 kemudian meminta Pusat Pengawalan Penerbangan Udara untuk menyiasat apakah tujuan Penerbangan 653 itu. Perbualan ini telah dapat didengar oleh anak-anak kapal Penerbangan 653 yang kemudiannya menasihatkan "We have a hijacker on board".

Pada pukul 7.49 malam Penerbangan 653 telah memberi tahu "maintaining 3,000 coming over Kuala Lumpur (beacon) in 2 minutes, hijacker on board" dan selepas ini Pusat Pengawalan Penerbangan Udara telah menasihatkan kapal-terbang bahawa "cleared to land on Runway 33 with no delay" dan dijawab oleh kapal-terbang "we are now

proceeding to Singapore" dan bertanya "understand message received?" Pusat Pengawalan menjawab "message received, understood".

Mengikut peraturan biasa, Pusat Pengawalan Daerah Kuala Lumpur (Area Control Centre) menasihatkan Pusat Pengawalan Penerbangan Singapura mengenai perkembangan yang telah berlaku dan membenarkan kapal-terbang itu terbang setinggi 21,000 kaki dan pada 8.05 malam telah mengarahkan untuk berhubung dengan Kawalan Trafik Udara Singapura dengan Radio frequency Singapura.

Dari rekod-rekod perhubungan di antara kedua-dua Pusat Kawalan pada pukul 8.08 malam, kapal-terbang tersebut telah diberi kebenaran menurun ke paras 11,000 kaki dan kapal-terbang tersebut telah melaporkan ianya mula menurun satu minit kemudiannya. Pusat Kawalan Singapura kemudiannya telah memberi kebenaran kepada kapal-terbang tersebut untuk menurun ke paras 7,000 kaki pada pukul 8.12 malam. Perhubungan yang lanjut oleh pihak Singapura kepada kapal-terbang tersebut yang dijangka mendarat pada pukul 8.45 malam telah tidak dapat pengesahan dari kapal-terbang tersebut dan apabila gagal membuat perhubungan seterusnya dengan kapal-terbang itu, tindakan mengikut peraturan kecemasan telah diambil oleh kedua-dua pihak Pusat Kawalan Kuala Lumpur dan Singapura.

Daripada laporan Polis yang telah saya terima di kawasan kemalangan tersebut kapal-terbang itu berada diruang angkasa Tanjung Kupang di Mukim Gelang Patah dalam Negeri Johor pada pukul 8.30 malam. Orang ramai yang menyaksikan kemalangan tersebut termasuklah seorang mata-mata yang kemudiannya telah membuat laporan segera kepada Balai Polis yang berhampiran di situ.

Mengikut mata-mata itu kapal-terbang itu telah meletup diudara, lampu-lampunya padam dan dalam masa beberapa saat sahaja

ianya telah jatuh ke tanah dengan diikuti satu letupan lagi. Polis Negeri Johor dengan sertamerta telah menjalankan operasi menyelamat dengan menggunakan ambulan-ambulan, kereta-kereta bomba dan kereta-kereta penyelamat yang lain bersama-sama dengan satu pasukan polis dan kakitangan perubatan yang ramai. Mereka telah sampai ke kawasan kemalangan tersebut yang lebih kurang 35 batu dari Johor pada pukul 10.00 malam.

Saya telah berlepas dari Kuala Lumpur dengan sebuah kapalterbang khas beberapa ketika sahaja setelah dimaklumkan mengenai kemalangan itu dan bersama-sama saya ialah satu rombongan pegawai-pegawai dari Kementerian, Pejabat Penerbangan Awam dan Syarikat MAS. Kami telah sampai di kawasan kemalangan di waktu subuh dan telah memeriksa kawasan tersebut untuk mendapatkan butir-butir yang terbaharu. Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor dan Pegawai-pegawai Negeri yang lain sampai sejurus kemudian. Bahagian-bahagian kapalterbang tersebut telah berkecai dan berselerak di merata-rata kawasan tersebut. Bahagian-bahagian badan manusia didapati berselerak di atas tanah. Pakaian-pakaian dan kepingan-kepingan kertas tergantung di dahan-dahan pokok di merata-rata kawasan itu. Di situ juga tidak ada tanda-tanda menunjukkan badan kapalterbang, sayap serta ekor kapalterbang tersebut. Ini ada kemungkinan kapalterbang tersebut telah hancur semasa berlakunya kedua-dua letupan atau telah terbenam di dalam lumpur. Rakan saya Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri juga sampai di kawasan kemalangan itu.

Tanda-tanda bukti sedang dikumpulkan untuk dianalisa agar satu gambaran yang nyata tentang perkara yang sebenarnya berlaku dapat dijadikan bahan rumusan (formulated). Pemeriksaan dari udara setakat ini hanya telah menunjukkan suatu kawasan tekanan yang hebat. Dari kedudukan pengesanan bahagian-bahagian kapalterbang itu ianya menunjukkan sebahagian besar daripada badan kapalterbang itu boleh jadi telah

terbenam di dalam kawasan paya. Adalah dicadangkan bahawa kawasan ini akan digali untuk mencari bangkai kapalterbang tersebut.

Satu pasukan pakar penyiasatan yang diketuai oleh Ketua Pemeriksa Kemalangan Jabatan Penerbangan Awam telah dibentuk dengan segera. Ini adalah menurut kehendak-kehendak peraturan Investigation of Accident Regulations.

Anggota-anggota pasukan itu telah mengiringi saya ke tempat kemalangan tersebut dan pada subuh-subuh hari mula memeriksa serpihan bangkai kapalterbang membuat beberapa pertanyaan serta mengumpulkan kenyataan-kenyataan daripada orang ramai yang menyaksikan kemalangan itu. Perkhidmatan dua orang penyiasat-penyiasat kapalterbang yang berpengalaman telah didapati daripada United Kingdom dan mereka akan sampai di kawasan tersebut pada petang ini. Sebagai tambahan satu pasukan pakar-pakar daripada Syarikat Boeing dari Amerika Syarikat akan sampai ke sini tidak lama lagi untuk membantu di dalam penyiasatan itu dalam usaha untuk menentukan sebenarnya kejadian yang berkaitan. Pihak Kerajaan akan meminta nasihat daripada pakar-pakar yang lain jika difikirkan perlu. Pusat Kawalan Kecemasan telah ditubuhkan oleh MAS di Hotel Regent Kuala Lumpur, Hotel Mandarin di Singapura dan di Hotel Orchid di Johor Bahru untuk membantu kaum keluarga dan sahabat handai mangsa-mangsa nahas kapalterbang itu yang berjumlah 100 orang.

Pihak MAS telah juga membuat persediaan-persediaan untuk membawa kaum keluarga yang rapat kepada mangsa-mangsa tersebut ke Johor Bahru serta menyediakan tempat penginapan sekiranya diperlukan dan juga untuk membawa mereka ke kawasan kemalangan.

Kaum keluarga mangsa-mangsa kapalterbang yang terdiri daripada berbagai-bagai agama akan diberi peluang untuk memberi penghormatan yang terakhir mengikut adat dan agama masing-masing.

Perbincangan mengenai persediaan pengkebumian sedang diuruskan dan satu pengumuman mengenai perkara ini akan dibuat dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan sebanyak terima kasih di atas bantuan yang berharga yang telah diberikan oleh Kerajaan Singapura. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak yang berkuasa dan badan-badan yang lain yang telah memberikan pertolongan cemas ini. Mereka termasuklah Kerajaan Negeri Johor, pihak Polis, Angkatan Tentera, Jabatan-jabatan serta juga penduduk-penduduk tempatan yang telah datang untuk membantu. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada mass media atas kerjasama yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kenyataan yang saya telah buat tadi adalah penting dari segi dalam negeri dan antarabangsa, saya mohon izin berucap di dalam bahasa Inggeris juga.

*(Dengan izin)* It is with great concern and profound grief that I stand here in this House to make a statement concerning the tragic crash of a MAS Boeing 737 on the night of Sunday, 4th December, 1977.

The Honourable Prime Minister had expressed the nation's and his own grief at this tragedy. I too express my condolences and deepest sympathy to the families and the next-of-kin of the unfortunate persons who lost their lives in this tragedy.

The aircraft concerned was MH flight 653 which departed from Penang for Kuala Lumpur at 7.21 p.m. on Sunday, 4th December, 1977, with 93 passengers and 7 members of the crew, and arrived over the Batu Arang radio beacon ready to commence its descent to Kuala Lumpur airport from 4000 feet at 7.46 p.m. At 7.47 p.m. the pilot reported "653 going round" and the Control Tower replied "653 is cleared to land, surface wind calm". Then again the pilot reported "overshooting".

At the time, there was a second aircraft awaiting clearance to land at Kuala Lumpur International Airport after MH 653. The pilot of this aircraft asked "What's your problem" to which the pilot of MH 653 replied "We have emergency on board". The aircraft following MH 653 then requested the Tower to check the intention of flight MH 653. The transmission was heard by the crew of flight MH 653 who advised "we have a hijacker on board".

At 7.49 p.m. MH 653 advised "maintaining 3000 coming over Kuala Lumpur (beacon) in 2 minutes, hijacker on board" following which the Tower again advised the aircraft that it was "cleared to land on Runway 33 with no delay" to which the aircraft replied "we are now proceeding to Singapore" and asked "understand message received?". The Tower replied "message received, understood."

Tuan Yang di-Pertua, in accordance with normal procedure, the Area Control Centre at Kuala Lumpur, advised the Singapore Area Control Centre of this development and cleared the aircraft to 21,000 feet with the request at 8.05 p.m. to call Singapore Air Traffic Control.

In accordance with the record of subsequent exchanges between the Area Control Centres, at 8.08 p.m. the Singapore Control Centre gave the aircraft descent clearance to 11,000 feet and the aircraft reported one minute later that it was commencing descent. A further clearance was given by Singapore for the aircraft to descent to 7000 feet at 8.12 p.m. Singapore Control Tower further advised the aircraft to expect approach at 8.45 p.m. but this was not acknowledged by the aircraft and when no further contact could be established with the aircraft, emergency procedures were instituted by both the Singapore and the Kuala Lumpur Centres.

From police reports which I received on the site of the crash, the aircraft was overhead Tanjong Kupang in the Mukim of Gelang

Patah in Johore at about 8.30 p.m. Eye-witnesses on the ground included a Police Constable who immediately reported the crash to the Police Station closeby.

According to the Police Constable, the aircraft exploded in mid-air, the lights went off and seconds later it crashed to the ground with another explosion. The police in Johore about 35 miles from the scene immediately mounted a rescue operation with ambulances, fire engines and other rescue vehicles and a large team of Police, Medical and other personnel. They arrived at the scene shortly after 10.00 p.m.

I left Kuala Lumpur by special flight within hours of being notified of the crash and together with me was a full team from the Ministry, Department of Aviation and airline officials. We were at the scene at the first light and I surveyed the scene at first hand. Honourable the Menteri Besar Johore and other State officials arrived soon after. There were badly disintegrated aircraft parts scattered widely over the area. Badly cut up human remains were also scattered on the ground. Garments and pieces of paper were also hanging from branches of trees over a wide area. There was no visible evidence of the main fuselage, wings or the tail of the aircraft. These could either have disintegrated in either of the two explosions or buried deep in the mud. My colleague the Honourable Minister of Home Affairs also arrived at the scene.

Evidence is being collated and analysed so that a clear picture of what actually happened can be formulated. Aerial survey has so far only revealed one major impact spot. From the disposition and identification of aircraft parts, it appears that a large part of the fuselage may be submerged in swamp. It is intended to excavate this area in order to get at the wreckage.

An investigation into the crash by a team of experts headed by the Chief Inspector of Accidents of the Civil Aviation Department

was instituted without delay. This is in accordance with the investigation of Accident Regulations.

Members of the team who accompanied me to the site at day-break began examination of the wreckage, conducting enquiries and taking statements from witnesses. The services of two highly qualified and experienced aircraft accident investigators have also been obtained from the United Kingdom and will be arriving at the site this evening. In addition, a team of experts from the Boeing aircraft company of the United States will be arriving soon to assist in the examination of the wreckage in an attempt to establish the exact circumstances involved. The Government as necessary will call upon other expert advice as and when required.

Emergency control centres have been set up by MAS at the Regent Hotel in Kuala Lumpur, the Mandarin Hotel in Singapore and the Orchid Hotel in Johore Bahru to assist relatives and friends of the victims with their enquiries.

Arrangements have also been made by MAS to enable those close relatives of the victims to fly to Johore Bahru where they have been met, provided with hotel accommodation where required, and to visit the scene of the crash.

Families of the victims who are of different religious faiths will be given every opportunity to observe the last rites in accordance with their wishes and customs.

Discussions for suitable arrangements to effect this are now being made and an announcement on this will be made soon.

I would like to acknowledge the valuable assistance which has been rendered by the Singapore Government. I would also like to thank the various authorities and agencies who have helped in the search and rescue operations. These include the State Government of Johore, the Police, the Armed Forces and other Government Departments and agencies and

the local population who have come forward to help us as well as the mass media.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1978

DAN

### USUL

#### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1978

##### Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1978 dan Anggaran Pembangunan, 1978 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (5hb Disember, 1977).

*Majlis Mesyuarat menjadi sebagai Jawatankuasa.*

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *memperurusikan Jawatankuasa*)

**Tuan Pengerusi:** Ahli Yang Berhormat dari Sepang sedang berucap pada hari semalam waktu Dewan ini ditangguhkan, walaupun saya tidak janjikan Yang Berhormat itu boleh menyambung ucapannya, tetapi kalau ada lagi yang hendak dicakapkan, bolehlah ditambah lagi beberapa minit.

*Kepala B. 26 dan B. 27 (Jadual) —  
Kepala P. 26 dan P. 27 (Anggaran Pembangunan, 1978) —*

3.47 ptg.

**Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang):** Tuan Pengerusi, saya

hanya hendak berucap tidak lebih daripada tiga ataupun empat minit sahaja.

Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh Kepala B. 26, Butiran 1100, Aktiviti (3) Belia: (i) Penggalakan Kegiatan Pertubuhan Belia.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan yang telahpun menambahkan peruntukan ini, kerana tiap-tiap tahun telahpun diperingatkan bahawa peruntukan ini tidak mencukupi, namun demikian saya masih kurang puas hati di atas tambahannya kerana daripada angka yang ada, kalau kita jumlahkan bahawa bilangan belia di negara kita ini katakanlah 10 juta orang lebih kurang, maka di atas peruntukan yang diberikan itu bermakna tiap-tiap seorang belia diberi pemberian secara terus oleh Kementerian ini hanya sebanyak 30 sen sahaja seorang setahun. Berasaskan kepada 30 sen seorang setahun cara pemberian terus kepada belia di negara kita ini, pada pendapat saya amatlah tidak mencukupi. Namun demikian, saya suka membawa pandangan kalau boleh di bawah peruntukan ini digunakan untuk pembinaan rumah-rumah, kelab-kelab belia di kampung-kampung. Kerana amatlah penting bagi kelab-kelab belia di kampung-kampung itu dibina supaya ada tempat mereka bermesyuarat ataupun berjumpa sebagai suatu pertubuhan atau secara berkumpul di rumah-rumah kelab belia yang dibina ini dan tidak payah dibina secara harga yang mahal dan perbelanjaan antara \$500-\$600 sudah mencukupi untuk pembinaan rumah-rumah kelab belia yang saya nyatakan itu dan saya sungguh-sungguh berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan dapat menimbang untuk menggunakan wang di bawah Kepala ini untuk tujuan tersebut iaitu pembinaan kelab-kelab ataupun rumah-rumah belia di kawasan-kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, semalam Yang Berhormat Setiausaha Parlimen di dalam ucapan pembentangannya di dalam Jawatankuasa telah

bercakap dengan panjang lebar di atas kemajuan dan success Rancangan KOBENA. Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kementerian yang telah menjayakan Rancangan KOBENA ini dan saya percaya KOBENA akan mencapai matlamatnya. Cuma saya berasa dukacita kerana tahun ini tidak ada peruntukan diperuntukkan untuk KOBENA. Saya berasa sangsi sedikit kalau Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang telah menyentuh dengan panjang lebar berkenaan dengan KOBENA tetapi di dalam peruntukan ini tidak ada wang diperuntukkan untuk KOBENA. Saya suka hendak mendapatkan penjelasan dari manakah wang akan diperolehi untuk menjayakan Rancangan KOBENA sepertimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen semalam.

Sekarang izinkan saya, Tuan Pengerusi, untuk menyentuh perkara sukan pula iaitu Butiran 4100, Aktiviti (4). Saya harap wang diperuntukkan ini akan dapat dipertimbangkan untuk diberikan kepada Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri kerana di tahun 1977 Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri tidak ada menerima satu sen pun wang bantuan untuk menjalankan kegiatan mereka. Oleh hal yang demikian Majlis Sukan Negara tidak berjalan, tinggal nama sahaja, tidak membuat apa-apa kerja, mesyuarat pun tidak pernah, dan Majlis Sukan Negeri-negeri pun hidup segan mati tak mahu dan pada pendapat saya keadaan yang sedih ini berlaku oleh sebab tidak ada bantuan satu sen pun kepada badan-badan yang tersebut di tahun 1977. Dan saya sungguh-sungguh berharap untuk memberi nafas yang baru apalah sudinya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menimbangankan pemberian sedikit caruman di bawah Butiran ini kepada Majlis Sukan Negara dan Majlis Sukan Negeri-negeri untuk sekurang-kurangnya membiayai perjalanan mereka demi memajukan sukan untuk negara. Saya juga harap di bawah Butiran ini kalau boleh dapat dipertimbangkan pembinaan sebuah valodrome yang mana telah disentuh oleh Yang Berhormat Menteri dan juga

pemimpin-pemimpin juga pegawai-pegawai dalam Kementerian. Rakyat nampaknya sudahpun sedia dan menunggu-nunggu pembinaan valodrome tetapi sehingga hari ini belum lagi dengar apa-apa tindakan bagi pembinaan sebuah valodrome untuk pelumba basikal di negara kita ini. Saya sungguh-sungguh berharap pada tahun-tahun hadapan ini akan dapat ditimbangankan perbelanjaan sedikit sekurang-kurangnya kajian ataupun pembinaan asas untuk pembinaan valodrome di bawah Kepala yang saya sentuh tadi. Dan di bawah Butiran yang sama juga kalau boleh dapat dipertimbangkan pembinaan padang-padang permainan di kawasan-kawasan luar bandar. Masa kini belia-belie di luar bandar menggunakan padang-padang sekolah sebagai tempat permainan mereka tetapi akhir-akhir ini Kementerian Pelajaran tidak lagi menggalakkan pembinaan padang-padang sekolah kerana mereka mempunyai priority (keutamaan) yang lain, maka di dapati di banyak tempat di sekitar negara kita ini kekurangan kemudahan-kemudahan padang permainan banyak kampung-kampung dan kawasan-kawasan yang tidak ada langsung kemudahan ataupun padang permainan untuk belia-belie yang kian hari kian bertambah. Saya sungguh-sungguh berharap kalau dapat di bawah peruntukan ini dipertimbangkan dimana-mana tempat yang perlu pembinaan padang-padang permainan untuk belia-belie supaya mereka dapat menggunakan masa lapang mereka dengan cara yang berguna dan berfaedah kepada mereka dan juga kepada masyarakat dan mengelakkan mereka menggunakan masa lapang mereka di dalam kegiatan-kegiatan yang merugikan.

Sekarang saya sentuh pula, Tuan Pengerusi, Kepala P. 26 Aktiviti 11 iaitu Institusi Sukan yang mana peruntukan token \$10 diberi di situ. Di sini nampaknya hasrat untuk hendak membina ataupun hendak menubuhkan Institusi Sukan ini ada, cuma wangnya belum diperuntukkan dan saya sungguh-sungguh berharap bahawa kerja permulaan ini ataupun kajian permulaan ini akan dapat diteruskan dengan penuh dedikasi supaya seberapa cepat

yang mungkin supaya Institusi Sukan akan dapat di establishkan dengan seberapa cepat yang boleh kerana selaras dan sejajar dengan motto kita "Majulah sukan untuk negara".

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, kecuali Muzium kalau dikeluarkan Muzium, perbelanjaannya hanya sebanyak \$28,335,040. Dengan jumlah yang sedemikian Kementerian ini mempunyai peruntukan yang paling sedikit sekali, kecuali Kementerian Undang-undang. Pada pendapat saya Kementerian ini adalah merupakan satu Kementerian yang penting kerana di dalamnya terkandung Kebudayaan, Belia dan Sukan tetapi amat dukacita bahawa Kementerian ini menerima wang yang paling rendah, kecuali Kementerian Undang-undang sahaja. Namun demikian, saya bukanlah bermaksud menyatakan Kementerian ini tidak efektif, Kementerian ini telah menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik dan cemerlang, cuma kalau dengan peruntukan yang lebih saya penuh percaya dan yakin bahawa kerja-kerja mereka yang baik dan cemerlang itu akan dapat lebih cermerlang dan lebih baik. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat mencari ikhtiar di dalam cara-cara lain untuk menambah peruntukan di mana yang kena pada tempatnya.

Saya suka mengakhiri pandangan saya ini. Tuan Pengerusi, dengan mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian yang mana telah dapat menjalankan kerja-kerja mereka, menjalankan fungsi-fungsi mereka, dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan baik dan cemerlang dengan peruntukan yang begitu sedikit dan tidak mencukupi.

3.58 ptg.

**Tuan Au How Cheong (Teluk Anson):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di bawah B. 26 muka surat 184, Aktiviti (4) (i) dan (ii) — Penggalakan Sukan dan Riadah dan Latihan Sukan.

Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya ingin menyampaikan tahniah setinggi-tingginya kepada Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa

serta pegawai-pegawai lain yang telah menjalankan Sukan Asia Tenggara yang ke 9 di Kuala Lumpur baru-baru ini dengan kejayaan yang cemerlang. Selain daripada mengokohkan semangat muhibbah dan persahabatan antarabangsa, saya percaya tanahair kita telah mendapat banyak pengalaman yang akan menolong kita untuk mengurus dan mengorganisekan sukan antarabangsa yang lebih besar pada masa akan datang. Penganjuran sukan itu adalah satu kerja yang sungguh baik, a job well done dan ahli-ahli dan pegawai-pegawai Jawatankuasa patut dipuji, tetapi dari segi kejayaan sukan dan olahraga performance itu harus diperbaiki lagi jika dibandingkan dengan pencapaian negara-negara lain kita masih tertinggal kebelakangan. Sungguhpun begitu, sportsmen dan sportswomen kita telah menunjukkan bahawa mereka mempunyai potensi yang baik dengan kemenangan pingat perak dan gangsa yang terbanyak sekali.

Dalam arena sukan pada zaman ini persaingan adalah sangat hebat. Olahragawan-olahragawan dan olahragawati kita harus berusaha dengan kuat. Tetapi untuk meninggikan mutu performance kita tidak boleh bergantung kepada keazaman dan kerajinan mereka sahaja. Mereka patut diberi latihan (coaching) yang sempurna dan berkesan. Oleh yang demikian, saya mencadangkan tindakan-tindakan seperti berikut patut dipertimbangkan:

- (1) Menghantarkan lebih jurulatih-jurulatih (coaches) kita ke negara-negara lain untuk mendapat latihan (coaching) yang moden dan saintifik.
- (2) Menggaji jurulatih-jurulatih dari negara lain dan bekas sportsmen dan sportswomen negara kita yang berpengalaman untuk memberi latihan (training) kepada pemuda-pemudi kita.
- (3) Memberi segala peluang kepada sportsmen dan sportswomen kita untuk menyertai sukan antarabangsa di mana juga pun supaya mereka mendapat lebih pengalaman dan keyakinan.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menyentuh tentang Kompleks Kebudayaan Negara yang disebutkan di dalam muka surat 192 — Butiran 8.

Tuan Pengerusi, bunyi nama itu adalah begitu mulia tetapi pada lawatan kita dalam bulan April tahun ini apa yang kita dapat melihat adalah satu kompleks yang hanya terdiri daripada beberapa bangunan sementara dan lama termasuk beberapa bangunan yang telah diistiharkan oleh Jabatan Kerjaraya sebagai bangunan yang tidak boleh digunakan lagi.

Kemudahan-kemudahan infrastruktur yang ada pun tidak begitu banyak dan lengkap. Pendekata, pembangunan pada peringkat ini haruslah dianggap sebagai satu usaha yang amat sementara. Matlamat kegiatan-kegiatan Kementerian ini adalah amat penting. Kegiatan-kegiatan untuk mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara, memperkaya dan mempertingkatkan mutu kehidupan kemanusiaan dan lain-lain tidak patut lagi dijalankan dalam bangunan sementara.

Saya merayu kepada Kerajaan supaya melaksanakan dengan secepat mungkin pembinaan Panggung Negara yang telah dirancang beberapa tahun yang lalu. Pembinaan Panggung Negara itu boleh digunakan sebagai tempat tumpuan pencapaian semua bidang seni yang tinggi khasnya dalam bidang drama, muzik dan tarian serta bidang-bidang pementasan yang lain.

Tuan Pengerusi, kedudukan kebudayaan tanahair kita adalah di antara yang paling kompleks sekali di dunia ini. Ini adalah disebabkan oleh keadaan penduduknya yang majmuk dan tiap-tiap satu mempunyai tradisi keseniannya tersendiri dan bersimpangan sehingga hari ini tanpa usaha yang teratur untuk membawa kepada pengaliran satu kebudayaan dalam bidang kesenian yang memberi makna sepenuhnya kepada semua penduduk-penduduk di negara kita.

Kompleks Budaya Negara yang terdiri dari sebuah Panggung Negara serta juga kemudahan-kemudahan yang lain akan mendapat menjadi sebagai satu makmal kebudayaan di mana eksperimen, galakan dan perkembangan di dalam kesenian dapat dilaksanakan.

Budayawan serta seniman-seniman dari berbagai kaum juga dapat bertemu dan mengembelikan bakat-bakat mereka ke arah itu. Rancangan pembinaan Panggung Negara itu telah ditangguhkan kerana kedudukan ekonomi negara kita adalah kurang baik pada beberapa tahun yang lepas. Tetapi kedudukan kewangan telah bertambah baik sekarang dan saya harap satu peruntukan yang mencukupi akan diberi supaya rancangan itu dapat dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

4.05 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Pengerusi, saya menyentuh Kepala Bekalan B. 26, Butiran 1100, Aktiviti (1) (i) Pentadbiran Am dan Aktiviti (3) Belia, muka surat 183.

Kita menjunjung tinggi dengan adanya kegiatan pertubuhan belia di seluruh negara. Dengan adanya pertubuhan-pertubuhan ini ia memberi bimbingan yang berguna kepada masyarakat belia yang dianggap belia sebagai tiang negara.

Kita menghargai Pusat Latihan Belia yang diadakan di Dusun Tua. Memandangkan bahawa Pusat Latihan Belia ini telah mengeluarkan beribu-ribu belia sejak ianya ditubuhkan dahulu dan didapati ianya sangat berguna di dalam konteks mengembangkan kegiatan belia di negara kita ini, namun begitu kita berharap bahawa Pusat Latihan Belia seperti ini hendaklah diadakan di tiap-tiap Negeri diseluruh negara, kerana apa yang diketahui hanya beberapa buah negeri sahaja yang ada ditubuhkan Pusat Latihan Belia seperti di Dusun Tua ini. Memandangkan bahawa belia ini menjadi aset kepada negara, maka saya ingin mengesyorkan bahawa Pusat Latihan

Belia ini dikembangkan hingga ke Daerah-daerah di mana segala alat kemudahan permainan dan kegiatan dapat diadakan. Ini bermakna bahawa belia-belia kita tidak perlu pergi ke pusat-pusat bandar untuk sesuatu aktiviti umpamanya.

Tuan Pengerusi, tiap-tiap tahun beribu-ribu belia kita yang gagal di dalam peperiksaan, samada peperiksaan SRP/LCE atau SPM/MCE. Mereka ini perlu diberi bimbingan dan cara yang dapat membantu mereka ialah melalui Pusat Latihan Belia ini.

Adalah difahamkan juga bahawa berbagai-bagai kegiatan yang diadakan di Dusun Tua. Satu daripadanya ialah mengadakan latihan bimbingan perniagaan. Kita puji. Ini adalah satu usaha yang baik dan berguna kepada mereka. Mudah-mudahan dengan adanya bimbingan kerjanya ini maka ramai belia-belia kita akan berdikari dan menjalankan urusan perniagaannya sendiri. Sekarang ini terbukti kejayaannya. Kita harap bimbingan kerjaya ini dapat diperbanyakkan dan diperluaskan lagi dengan memberi peluang yang seluas-luasnya kepada belia-belia kita yang cenderung di dalam lapangan perniagaan. Bimbingan ini perlu diberi galakan.

Tuan Pengerusi, terlanjur saya berucap mengenai latihan belia ini, saya ingin menarik perhatian pihak-pihak yang berkenaan mengenai pertukaran belia-belia Malaysia-Kanada. Kita puji pertukaran rancangan belia-belia ini. Namun begitu, kita janganlah lupa adat resam kebudayaan Timur. Kejadian sumbang yang berlaku baharu-baharu ini di Subang sangatlah memalukan kita. Kita harap kejadian sumbang seperti itu tidak akan berulang lagi dikhalayak ramai.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian pihak yang berkenaan bahawa masanya telah sampai bagi kita mengkaji semula rancangan pertukaran belia-belia kita ini samada ia memberi faedah kepada negara atau tidak. Kalau didapati bahawa rancangan pertukaran belia-belia ini merosakkan imej

negara, maka saya fikir rancangan tersebut hendaklah diberhentikan.

Tuan Pengerusi, sekarang saya menyentuh Aktiviti (4) (ii) Latihan Sukan, muka surat 184.

Sejak adanya Sukan Asia Tenggara baharu-baharu ini, maka peluang sukan di negara kita adalah terbuka dengan luasnya. Dan oleh kerana belia-belia menjadi harapan negara, maka saya fikir Kerajaan hendaklah meninjau semula tentang aset yang ada pada belia-belia kita. Peluang-peluang latihan sukan seperti lumba basikal, renang, tinju, lumba lari dan sebagainya hendaklah diadakan seberapa banyak yang boleh. Ia tidaklah mesti ditempatkan atau ditumpukan di Kuala Lumpur sahaja. Sebaliknya peluang sukan, olahraga, hendaklah diadakan diberbagai Negeri supaya peluang tersebut dapat digunakan sepenuhnya oleh belia-belia kita.

Terbukti kepada kita bagaimana Indonesia dapat menggondolkan Pingat Emas begitu banyak sekali dalam Sukan SEA tersebut. Kita harus mempelajari tentang cara, bagaimana dapat kita mengadakan latihan intensif dan sistematik kepada belia-belia kita. Kalau Indonesia dapat mengadakan latihan intensif kepada pemain-pemainnya selama dua tahun sebelum mereka masuki pertandingan, maka saya rasa, Malaysia hendaklah mengkaji semula kedudukan latihan pemain-pemainnya agar pemain-pemain tersebut cukup bersiap sedia sebelum memasuki pertandingan. Latihan seumpama ini, saya fikir sangatlah berguna kepada negara kita. Mudah-mudahan syor saya ini dapat dipertimbangkan dengan serius oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, saya menyokong peruntukan Kementerian ini.

4.12 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, yang pertama saya ingin merujuk kepada Kepala B. 26 Aktiviti (2) (i)

— Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, di bawah tajuk Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan, ingin saya membentangkan satu perkara yang pada anggapan saya adalah mustahak di dalam usaha untuk menimbulkan integrasi kebangsaan melalui kebudayaan. Sebagai yang kita sedia maklum Malaysia ialah sebuah negara yang berbilang bangsa, berbilang agama dan berbilang kebudayaan. Perkara yang saya ingin membangkitkan ialah berkenaan dengan tarian singa yang merupakan salah satu bahagian kebudayaan tradisi bangsa Thionghua di negara kita. Saya rasa kesal sedikit bahawa sungguhpun tarian singa sedang dimainkan, dilatih dan ditunjukkan oleh semua badan-badan kebudayaan Cina dan badan-badan seni mempertahankan diri Cina yang berdaftar dan kadang-kadang ditunjuk di upacara-upacara untuk menyambut Yang Berhormat Menteri-menteri, akan tetapi pertunjukan tarian singa belum dianggap dan diterima oleh Kerajaan sebagai satu kebudayaan rasmi Malaysia. Sebagai satu contohnya baru-baru ini apabila negara kita dan rakyat merayakan Hari Kebangsaan kita rakyat di seluruh negara diberi berbagai-bagai pertunjukan kebudayaan Malaysia. Tetapi malangnya, pada Hari Kebangsaan kita rakyat tidak ada ditunjukkan tarian singa sebagai satu acara dalam program perayaan itu.

Tuan Pengerusi, selain dari itu saya rasa kesal bahawa pertunjukan tarian singa tidak termasuk dalam program untuk menyambut ketua-ketua negara ASEAN yang ada melawat negara kita baru-baru ini untuk menghadiri Sidang Kemuncak Negara-negara ASEAN sungguhpun pertunjukan kebudayaan Malaysia ada dipertunjukkan untuk tetamu asing yang dihormati itu.

Tuan Pengerusi, saya harap bahawa Kerajaan dapat memberi pertimbangan semula atas perkara ini dan bersetuju mengambil langkah-langkah untuk mengiktiraf tarian singa sebagai salah satu kebudayaan rasmi

Malaysia. Saya membuat cadangan ini oleh kerana adalah sesuai dengan aspirasi-aspirasi kaum Thionghua di negara kita dan apa yang lebih penting ialah oleh sebab Malaysia sebuah negara yang berbilang bangsa dan berbilang kebudayaan. Dalam konteks satu negara yang berbilang bangsa, berbilang agama dan berbilang kebudayaan maka ini bererti setiap kebudayaan dari setiap bangsa boleh menyumbangkan terhadap kebudayaan rasmi Malaysia. Oleh hal yang demikian, saya sekali lagi menyeru Kerajaan supaya mengiktiraf dan menerima tarian singa sebagai satu bahagian kebudayaan Malaysia yang rasmi dan sekiranya cadangan saya ini dapat diterima maka saya berharap di semua upacara-upacara kebangsaan yang rasmi, misalnya, perayaan Hari Kebangsaan kita, rakyat boleh menikmati tarian singa selain dari pertunjukan kebudayaan bangsa yang lain.

Tuan Pengerusi, saya berpendapat bahawa kebudayaan dapat memainkan satu peranan yang penting untuk menimbulkan integrasi kebangsaan di dalam satu negara yang berbilang kaum. Pada pandangan saya tujuan ini dapat dicapai sekiranya kita dapat mewujudkan satu kebudayaan Malaysia yang tulen yang dikandungi oleh kebudayaan Melayu, Cina dan India.

(Tuan Azahari bin Md. Taib *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Satu perkara lagi yang saya ingin menyentuh di sini dan yang akhirnya ialah tentang Penyelidikan Belia, Aktiviti (3) (v) dalam muka surat 184.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang kita sedia maklum Malaysia selalu digambarkan sebagai satu negara yang muda oleh kerana 60% penduduk-penduduk adalah terdiri daripada belia. Oleh hal yang demikian, mereka adalah satu golongan yang kuat dan dinamis dan layak menyuarkan fikiran dan pandangan mereka dalam konteks menentukan masa depan negara kita. Ingin saya menegaskan di sini bahawa sebelum mereka dapat

memberi satu sumbangan yang positif dan membina terhadap pembangunan negara, belia kita mesti diberi pendidikan yang baik dan bimbingan yang betul yang mana dapat melengkapkan mereka dengan pengetahuan untuk memainkan satu peranan positif dan untuk menentukan masa depan negara kita. Saya berpendapat tugas utama Kementerian yang berkenaan patut ditujukan untuk membimbing belia kita supaya dapat menyalurkan tenaga dan potensi mereka ke arah membina satu negara yang berbilang kaum, yang cohesive dan bersatu-padu. Dalam hubungan ini ingin saya bertanya di sini sejauh mana Kementerian yang berkenaan telah berjaya untuk membimbing belia kita ke arah objektif ini. Di sini saya rasa penyelidikan belia ada kaitan dengan apa yang saya telah maksudkan.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa belia kita hari ini masih menghadapi kekurangan bimbingan yang betul dan ramai mereka tidak sedar bagaimana menyalurkan tenaga mereka kepada tujuan-tujuan yang produktif. Malaysia hari ini bukan sahaja menghadapi masalah keciciran di sekolah (school dropouts) tetapi juga menghadapi masalah lain yang lebih serius iaitu keciciran masyarakat (society dropouts) mengenai hal ehwal belia.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu belia kita juga ada menghadapi masalah dadah, masalah pengangguran khususnya di kalangan belia yang berumur di antara 17 hingga 24 tahun. Oleh sebab saya nampak masalah pengangguran itu adalah satu masalah yang amat serius di kalangan belia maka saya bercadang bahawa Kementerian berkenaan dapat mengkoordinasikan dengan lain-lain Kementerian untuk mencari cara yang sesuai dan lebih berkesan bagi mengatasi masalah itu. Memandangkan kepada masalah-masalah yang tersebut di atas saya menyeru Kementerian yang berkenaan untuk menjalankan satu penyelidikan yang mendalam atas perkara-perkara yang berikut:

- (1) berapa peratus dan sejauh mana belia-belie telah berpecah dalam masyarakat

dan telah dicemarkan (polluted) oleh perbuatan keruntuhan moral dan kejahatan yang lain;

- (2) sejauh mana sistem pesekolahan kita dianggap bertanggungjawab di atas keadaan ini;
- (3) sejauh mana sistem penilaian pertukaran (changing value system) bertanggungjawab ke atas masalah ini; dan
- (4) sejauh mana Kementerian yang berkenaan telah gagal dalam tugasnya untuk membantu belia memainkan satu peranan yang positif dan berguna dalam proses pembangunan negara kita.

Tuan Pengerusi, saya rasa selepas penyelidikan yang mendalam ini telah dibuat panduan-panduan dapat digariskan untuk menunjukkan bagaimana langkah-langkah jangka pendek dan juga langkah-langkah jangka panjang dapat diambil untuk mengatasi masalah itu.

#### 4.23 ptg.

**Raja Nasron bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Pengerusi, izinkan saya menyentuh Kepala B. 26, Butiran 1100, Aktiviti (3) (iv) — Perpaduan Belia.

Tuan Pengerusi, Perpaduan Belia adalah satu perkara yang sangat mustahak kerana mulanya daripada belia mereka ini akan menjadi dewasa dan daripada perpaduan yang dapat dicipta di masa mereka berumur belasan tahun akan menentukan perpaduan negara kita. Saya suka membawa perhatian Kementerian yang berkenaan kepada keadaan persatuan-persatuan belia di dalam negara kita sekarang. Belia-belie di dalam negara kita sekarang kita dapati dipupuk di dalam beberapa Kelab ataupun persatuan-persatuan dan kebanyakannya adalah merupakan perkauman. Ada dua atau tiga persatuan-persatuan belia yang mempunyai anggotanya daripada berbilang kaum seperti MAYC, 4B dan sebagainya, tetapi di antara kedua-dua persatuan yang saya sebutkan tadi, iaitu MAYC dan

4B, didapati bukan perpaduan tetapi perpecahan. Adakah atau tidak Kementerian yang berkenaan mengambil inisiatif supaya kedua-dua badan ini dapat diperbaiki penentangan yang ada sekarang. Kalau penentangan, yang ada sekarang, sihat (healthy competition) tidak mengapa, tetapi nampaknya makin lama makin berjauhan. Saya berpendapat bahawa dengan adanya satu badan yang akan menyelidiki dan menentukan supaya belia-belia kita bersatu padu, saya cadangkan badan ini menggunakan, misalnya satu pegawai yang boleh diterima oleh semua bilangan kaum daripada belia-belia ini. Misalnya, ini satu pandangan sahaja, Marina Chin diminati oleh semua orang, belia muda, belia tua (*Ketawa*) bukan sahaja kerana kejayaannya di dalam sukan, tetapi sebagai seorang beliawanis yang telah dapat membuktikan bahawa, sungguhpun beliau daripada golongan kaum bukan Melayu, tetapi dapat mengatasi perasaan perkaumannya. Dengan sebab itu, kita lihat baru-baru ini berkerumun peminat-peminat mencium tangan, mencium dahi dan mencium pipinya kerana perasaan betul-betul sayang kepada Marina Chin. Kalaulah Kementerian yang berkenaan dapat menggunakan Marina Chin dilantik menjadi Penyelia, di dalam bahagian untuk perpaduan belia ini, saya berpendapat bahawa pergaduhan, pertengkaran di antara MAYC, 4B ini, akan dilupakan oleh mereka kerana memandang kepada Marina Chin sahaja (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, saya suka mengambil perhatian Dewan ini kepada B. 26 pula di bawah Butiran (Kod) 1100, Aktiviti (2) — Kebudayaan. Saya suka bertanya kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan apakah kebudayaan kebangsaan kerana sehingga hari ini, sungguhpun Kementerian selalu melaunglaungkan kebudayaan kebangsaan, menggalakkan kita mengembangkan kebudayaan kebangsaan, tetapi kepada saya, soalan yang besar ialah, apakah kebudayaan kebangsaan; adakah tarian ronggeng Mak Inang dan sebagainya kebudayaan kebangsaan, adakah tarian Naga, tarian Singa kebudayaan kebangsaan?

Baru-baru ini saya diminta oleh satu pihak yang menjadi jaguh kebudayaan kebangsaan untuk mengaturkan satu pertunjukan kebudayaan kebangsaan di satu tempat pelancungan di Kuala Lumpur ini. Saya tidak faham apakah kebudayaan kebangsaan itu. Saya minta badan ini menunjuk ajar saya supaya dapat saya persembahkan untuk disaksikan oleh orang ramai apakah sebenarnya kebudayaan kebangsaan itu.

Apa yang saya suka tekankan di sini, Tuan Pengerusi, ialah jika kita benar-benar hendak mencipta satu kebudayaan kebangsaan maka hendaklah kita berupaya untuk menunjuk contoh-contoh kepada orang ramai dan diterima, maka itu adalah kebudayaan kebangsaan. Tetapi apa yang kita lihat sekarang, di antara kita yang ada berpuluh orang sahaja di dalam Dewan yang mulia ini adakah kita bangga dengan pesaka datuk nenek kita. Ini saya tujukan kepada orang Melayu, alang-kah bahasa kita sendiri, bahasa Melayu kita tidak bangga menggunakannya. Ada di antara kita ini memanggil isteri kita "ling-ling" sahaja.

Ada yang suruh mengajar anak kecil kita memanggil ayahnya "daddy". Ada yang suruh memanggil emaknya "mummy". Apakah itu boleh kita banggakan yang kita hendak mengembangkan kebudayaan kita; walhal kita sebagai orang Melayu membuat satu contoh yang tidak baik kepada kaum-kaum yang lain, yang kita suruh sekarang ini patuh kepada satu kebudayaan kebangsaan.

Tuan Pengerusi, ini ada satu gambar di dalam suratkhbar.....

**Tuan Azahari bin Md. Taib:** Gambar apa itu?

**Raja Nasron bin Raja Ishak:** Gambar ini menunjukkan satu kaum Sikh pakai serban, pakai baju Melayu dan bersamping pula di dalam satu upacara convocation Universiti Teknologi Malaysia di Parlimen baharu-baharu ini.

Saya angkat topi kepada Mr. Singh yang telah mengikuti satu cara memakai pakaian convocation berunsurkan kepada kebudayaan Malaysia. Tetapi di samping itu ada pula di antara 20 atau 30 daripada siswazah, yang dijadualkan menerima ijazah, mengundurkan diri daripada upacara itu kerana tidak bersetuju menerima pakaian Melayu ini sebagai satu pakaian kebangsaan.

Sebenarnya mereka tidak menentang pakaian atau pun robe itu sebagai pakaian kebangsaan, tetapi warnanya, warna hitam, mengikut kata mereka warna hitam itu sebagai orang berkabung (mourning). Jadi mereka bantah. Di sini apa yang patut bagi kita sebagai orang-orang, yang hendak menciptakan kebudayaan, samada kebudayaan kebangsaan atau pun mengajar belia-belie kita daripada bangku sekolah rendah lagi, sekolah menengah dan Universiti, cara-cara supaya mereka ini menghargai (appreciate) bahasa kebangsaan, menghargai kebudayaan kebangsaan, menghargai pakaian kebangsaan dan bila budak itu sudah besar, umurnya meningkat belasan tahun dan masuk Universiti, disuruh pakai pakaian kebangsaan, terperanjatlah dia. Tentu sahaja dia tidak hendak patuh kepada cara-cara yang boleh dikatakan paksaan memakai pakaian Melayu untuk digunakan oleh mereka. Jadi saya tidak menyalahkan siswazah yang 20-30 orang, yang bukan Melayu itu, engkar daripada memakainya tetapi saya percaya kalau pihak-pihak yang berkenaan benar-benar pandai dan benar-benar tahu untuk mempengaruhi mereka ini memakai dan menghargai pakaian kebudayaan atau pun pakaian kebangsaan maka siswazah-siswazah ini akan patuh kepada arahan itu.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan bangunan-bangunan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, memang saya sangat-sangat sanjung tinggi atas usaha mereka untuk mencipta kebudayaan kebangsaan di Malaysia ini. Tetapi kalau Kementerian itu sahaja berusaha dengan tidak ada kerjasama dari Kementerian-kementerian yang lain terutama Kementerian Kerjaraya di dalam mem-

bentukkan bangunan-bangunan maka wang yang kita luluskan hari ini dan juga pada tiap-tiap tahun hanya barangkali macam mencurah air di lautan sahaja, kerana kita lihat bangunan-bangunan kita di Malaysia ini bukan bangunan yang didirikan oleh pihak swasta, itu tidak mengapalah, kerana itu duit mereka, tetapi bangunan yang dibangunkan dengan wang Kerajaan yang tugas diberi kepada Jabatan Kerjaraya, adakah mereka ini berhubung untuk mengambil fikiran daripada Menteri Kebudayaan — tidak ada; ibarat atau contohnya lihat sahaja Lapangan terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Tiap-tiap orang masuk dan keluar ke Malaysia ini tengok entah apalah kerawang-kerawangnya di situ. Kepada saya ini entah apa banggunya saya tidak tahu iaitu dekat dengan round about. Adakah ini kebudayaan Malaysia? Adakah ini kebudayaan Melayu, kebudayaan Cina, kebudayaan India? Saya tidak tahu entah apa kebudayaan, itu sebagai contoh dan banyak lagi yang patut dibuat oleh Jabatan Kerjaraya untuk berunding dengan Menteri Kebudayaan apabila hendak mendirikan bangunan-bangunan itu.

Sekianlah sahaja, Tuan Pengerusi, tegoran-tegoran saya dan saya harap mendapat perhatian dan dengan ini juga saya mohon menyokong semua peruntukan di bawah Kepala-kepala yang dikehendaki oleh Kementerian yang berkenaan dipersetujukan.

*4.16 ptg.*

**Tuan Su Liang Yu (Beruas):** Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyentuh serba sedikit mengenai B. 26, Butiran 1100, Aktiviti (4) Sukan di mana anggaran perbelanjaan sebanyak \$8.3 juta telah pun diperuntukkan.

Tuan Pengerusi, nampaknya sudah menjadi suatu hakikat yang sungguh nyata bahawa mutu sukan negara kita pada keseluruhannya telah merosot dari setahun ke setahun. Zaman gilang gemilang pasukan badminton kita telah

lenyap sama sekali, malah kita sudah pun merupakan suatu khayalan untuk kita menembusi kegagalan kita serta merebut kembali keagungan yang pernah kita capai dan membanggakan itu.

Sebenarnya negara kita bukan kekurangan atau ketidakadaan ahli-ahli sukan handalan yang boleh diharap untuk mengharumkan nama negara kita. Berdasarkan kepada penyelidikan ini, timbullah tandatanya kenapa kemerosotan ini telah berlaku dan masih berpanjangan. Agaknya inilah yang sepatutnya dijadikan renungan kita bersama dalam Dewan ini. Satu perkara yang sering diperbincangkan ialah tentang kekurangan disiplin di kalangan para ahli sukan tanahair kita seperti yang diperhatikan bila masa menjalani latihan pusat atau kursus sekali pun masih ada sebilangan besar daripada mereka yang tetap berlengah-lengah serta tidak ada menurut arahan atau nasihat dari jurulatih. Amalan tidak menepati masih juga telah lazim berlaku dan mereka datang melapurkan diri sesuka hati mereka. Ada pula yang meninggalkan gelanggang latihan tanpa mengemukakan sebab-sebab atau alasan-alasan yang sesuai. Keadaan ini tentulah akan menjejaskan latihan yang telah dijadualkan itu, namun ianya juga memburukkan suasana latihan di kalangan pelatih-pelatih yang lain. Masih dirasa perlu ahli-ahli sukan kita diberi garis-garis panduan mengenai disiplin yang mana ianya wajib ditaati. Andainya mereka keberatan mematuhi pedoman-pedoman yang telah diperuntukkan itu, tindakan tegas mestilah diambil terhadap mereka yang berkenaan dan jika terpaksa mereka itu haruslah digugurkan dari menyertai acara-acara sukan pada masa-masa hadapan. Janganlah sekali-kali kita memaafkan pemain-pemain atau peserta-peserta yang degil itu.

Tuan Pengerusi, seperti yang termaklum suatu kekecohan telah berlaku baru-baru ini melibatkan segolongan ahli-ahli sukan terpilih untuk sukan SEA yang telah dinafikan percutiannya oleh majikan mereka termasuklah beberapa orang peserta yang berkhidmat de-

ngan berbagai Jabatan Kerajaan dan Badan-badan Berkanun. Saya ingin mencabar mereka supaya memberi sebab-sebab yang jelas kenapa kepentingan negara harus diketepikan. Di sini ingin juga saya melafazkan perasaan kesal dan sedih saya bersabit dengan sikap negatif mereka itu.

Tuan Pengerusi, ada di antara ahli-ahli sukan kita yang menguruskan pekerjaan sendiri. Bagi kumpulan yang dimaksudkan ini bercuti untuk menghadiri latihan atau penyertaan sebarang pertandingan sukan dengan secara tidak langsung bermakna kehilangan punca pendapatan mereka. Ini harus difikirkan kerana mereka terpaksa menanggung nafkah keluarga mereka. Selain daripada membiayai segala perbelanjaan individu ahli-ahli sukan itu Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan ataupun badan-badan sukan yang mereka mewakili itu seharusnya menimbangkan pembayaran elauan yang berpatutan kepada keluarga mereka.

Kemerosotan mutu sukan kita juga berpunca dari ketidak-tenteraman hati para ahli sukan sendiri. Sekali pandang kita dapati kebanyakan daripada mereka terdiri dari pelajar-pelajar, pemuda-pemudi yang masih menganggur atau yang hanya memegang jawatan rendah sahaja. Perasaan mereka itu sentiasa terganggu dan tidak tenang khususnya apabila mengengangkan masa hadapannya. Kita tidak boleh persalahkan mereka yang memilih keluar pertandingan atau undur dari menyertai satu-satu acara sukan kerana pada fikiran mereka penyertaan mungkin mengakibatkan kesan buruk dan masa hadapan yang terancam. Masaalah ini dapat diatasi jika Kerajaan dapat menjamin masa depan mereka misalnya dengan menawarkan jawatan yang tetap dan yang lebih lumayan gajinya. Tambahan pula elok juga diberi ganjaran-ganjaran kepada mereka yang telah berjasa dan berkorban untuk negara kita.

Tuan Pengerusi, kalaulah Indonesia mampu menghadihkan sebuah bungalow dan sebuah kereta besar kepada ahli-ahli sukannya

yang berjasa saya tidak nampak sebarang sebab kenapa negara kita tidak boleh berbuat demikian. Tentu jaguh-jaguh sukan kita tidak kurang handalnya dan memandangkan ekonomi kita lebih stabil jika dibandingkan dengan ekonomi Indonesia, sesungguhnya para ahli sukan kita patut diberi sanjungan dan penghargaan yang tinggi.

Kita memang sedar bahawa latihan dan pengalaman adalah amat penting bagi ahli-ahli sukan. Dengan ini adalah dijamin jika kita mengadakan bagi para olahragawan dan olahragawati kita kepada serba latihan yang sedia ada di negeri-negeri yang maju sukannya. Ini bukanlah saat kita hendak menjimatkan belanja negara. Peruntukan sudah ada dan yang tinggal dilaksanakan ialah perancangan yang tersusun dan yang boleh membawa kejayaan. Sayugia diingatkan penyalahgunaan peruntukan perlulah dielakkan. Bakat-bakat baru haruslah dicungkil khasnya dari sekolah-sekolah. Mereka mempunyai potensi patutlah dianggap sebagai anak Kerajaan dan ditempatkan di pusat-pusat penyediaan yang mana terdapat segala kemudahan dan pakar-pakar sukan yang berlaku sebagai jurulatih. Di sekolah seboleh-bolehnya mereka itu dibimbing dan dilatih dengan teknik yang moden dan yang berkesan. Kerajaan perlu selalu mengambil berat tentang kemajuan anak-anak itu dan jika keadaan mendesak, menghantarkan mereka ke luar negeri untuk mendapat latihan intensif mahupun extensif. Langkah ini rasa saya adalah suatu langkah yang positif kerana bakat-bakat muda inilah yang bakal mewakili negara kita di pertandingan-pertandingan khasnya yang dianjurkan secara antarabangsa. Ini juga merupakan suatu cabaran kepada mereka untuk berusaha terus.

Sebelum saya sudahi ucapan saya, ingin saya menyeru secara ikhlas kepada kita semua iaitu junjungilah cita-cita murni negara kita dengan menyokong sepenuhnya projek-projek sukan yang telah, sedang atau yang akan dilancarkan itu.

4.48 ptg.

**Tuan Latip bin Haji Dris (Mukah):** Tuan Pengerusi, saya ingin bercakap di Bahagian P. 26, muka surat 191, Butiran (4) — Pusat Latihan Belia Dusun Tua, yang mendapat anggaran perbelanjaan tahun 1978 sebanyak \$500,000 sama sahaja dengan anggaran yang diluluskan pada tahun 1977 seperti yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap di Dewan ini semalam dan sebentar tadi.

Mengikut pendapat saya, seperti saya sendiri telah pernah dibawa melihat secara dekat bagi melihat kegiatan belia-belia yang mengambil bahagian berlatih di berbagai bidang latihan di Dusun Tua yang datang daripada negeri-negeri dalam Malaysia dari berbagai suku kaum termasuk belia-belia dari Sarawak, adalah satu perkara yang sangat penting bagi membentuk semangat perpaduan di samping mewujudkan semangat kesukanan dan melatih belia-belia negara ini berdisiplin sebagaimana dasar dan tujuan Kementerian yang bertanggungjawab ini.

Sekarang masyarakat belia adalah rakyat yang paling ramai di negara kita ini dan mereka juga yang akan menjadi pemimpin di hari esok. Dengan keadaan begini saya mengesyorkan segala peruntukan di bidang yang masih lagi diperlukan seperti ini, tidak sepatutnya diberi peruntukan yang begitu kecil jika dinilai dengan keadaan belia di zaman serba maju sekarang. Latihan Belia Dusun Tua adalah sebagai satu tempat yang boleh memberi didikan yang berfaedah dan sempurna disamping memperbaiki lagi moral mereka sebagai belia-belia yang taat setia dan bertanggungjawab. Oleh yang demikian, walaupun terdapat anggaran peruntukan sebanyak \$500,000 bagi tahun 1978 ditambah lagi ke angka yang lebih sesuai lagi. Kami sedia menyokong dalam Dewan yang mulia ini apabila dikehendaki untuk mendapat peruntukan tambahan.

Beralih saya ke Butiran 12 dan 13 di muka surat 192 — Projek Belia Peladang dan Dewan

Serba Guna Daerah. Projek belia peladang mendapat tambahan sebanyak \$1½ juta bagi tahun 1978 daripada anggaran tahun 1977. Ini adalah boleh dikatakan berpatutan walaupun belum lagi memuaskan jika dilihat dari segi kasar kemahuan projek belia peladang hari ini. Bagi belia-belia terutama di luar bandar Negeri Sarawak sangat berharap kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Persekutuan memberi peruntukan pembangunan seperti ini bagi membuat satu-satu projek belia terutama di bidang bercucuk tanam. Walaupun Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negeri Sarawak itu memang ada, saya anggap adalah sebagai anak kepada Kementerian Belia dan Sukan Persekutuan. Segala bimbingan, nasihat, lebih-lebih lagi peruntukan berharap sangat dapat rahmat daripada Kerajaan Pusat. Untuk mengatasi masaalah belia bagi menjayakan cita-cita Kerajaan, saya berharap Kementerian ini dapat memberi peruntukan berasingan kepada semua negeri dalam Malaysia bagi melaksanakan projek belia peladang dengan kadar yang berpatutan.

Menyentuh dewan serbaguna daerah pula yang mendapat peruntukan sebanyak \$10 sebagai tanda sahaja adalah satu perkara yang mendukacitakan. Bagi kami yang duduk di daerah luar bandar Negeri Sarawak melihat kegiatan belia-belia boleh saya katakan tidak begitu mendapat perhatian oleh yang bertanggungjawab sedangkan semangat belia-belia di luar bandar jika dibanding dengan semangat belia-belia di bandar tidak ada bezanya baik dari segi kebudayaan nasional, sukan dan sebagainya. Apa yang kurang ialah bimbingan dan latihan tidak terdapat. Oleh yang demikian, peruntukan dewan serbaguna daerah sepatutnya disediakan peruntukan yang tertentu untuk kepentingan belia-belia di luar bandar.

Mengenai Butiran 21 — Kompleks Pelbagaiguna Negeri Sarawak mendapat peruntukan \$80,000 tahun 1978. Kami mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan. Suka juga saya mengambil kesem-

patan di sini mengesyorkan kepada yang berkenaan segala kegiatan samada di bidang kebudayaan dan sukan janganlah diberi perhatian atau ditumpu kepada belia-belia di bandar sahaja malah belia-belia di luar bandar daripada berbagai kaum juga harus mendapat perhatian yang serupa bagi mencungkil bakat-bakat baru di semua bidang aktiviti kegiatan belia samada untuk bertukar-tukar lawatan dalam Malaysia mahupun ke luar Malaysia supaya belia-belia di luar bandar dapat sama-sama mengambil bahagian dan peranan dalam kegiatan sukan atau lain-lain tidak begitu ketinggalan seperti hari ini dalam pergerakan belia-belia di semua peringkat.

Akhirnya, saya menyokong sepenuhnya peruntukan yang diminta oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi tahun 1978.

4.55 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar):** Tuan Pengerusi, saya bercakap dalam B. 26 berkenaan dengan Kebudayaan dan Penggalakan Kebudayaan.

Tuan Pengerusi, dalam perhatian saya boleh dikatakan pegawai-pegawai kebudayaan ini tidak begitu cukup. Dengan sebab itu soal pertama saya mencadangkan supaya pegawai-pegawai kebudayaan ini patut ditambah dan sesudah mereka ini dipilih saya berpendapat hendaklah mereka ini diberi kursus khas apa-apa yang bersangkutan dengan kebudayaan yang ada di dalam negara Malaysia pada hari ini. Adalah pelek kalau seorang pegawai kebudayaan sendiri tidak begitu pandai, bukan tiada kelulusan, tidak pandai di segi kebudayaan. Mereka terpaksa belajar di kampung, misalnya, kita kata di Perlis "wau" dan sebagainya begitu juga setengah negeri ada gasing. Saya tidak mencadangkan untuk dikenakan syarat kerana kita hari ini tiada sekolah membuat wau dan gasing. Tetapi maksud saya selepas mereka ini dilantik menjadi pegawai kebudayaan hendaklah pegawai-pegawai ini juga tahu apa sahaja jenis permainan yang ada berkenaan dengan kebudayaan.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang dikatakan oleh wakil dari Kuala Selangor tadi saya sokong. Bangunan di lapangan terbang itu hak lapangan terbang, bangunan hotel itu hak swasta dan taukeh buat sendiri. Tetapi yang saya minta bangunan yang dipunyai oleh Pejabat Kebudayaan, Belia dan Sukan, misalnya, bangunan pelbagaiguna. Di mana ada hubungan pelbagaiguna yang saya percaya yang bertanggungjawab itu ialah Pegawai Kebudayaan, Belia dan Sukan itu dibuat itu mengikut kebudayaan Malaysia. Janganlah kita buat macam pelan di tempat-tempat lain. Kita buat dari segi kebudayaan kita.

Saya kadang-kadang pergi ke Padang Besar atau Haadyai, saya tengok bangunan-bangunannya ada yang berlainan yang menunjukkan kebudayaan negeri mereka. Jadi, saya harap di Malaysia inipun kalau boleh sebelum tempat lain kita buat, maka tempat yang ada kita kuasai kita buat dahulu. Di masa akan datang kalau tempat itu dikuasai oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hendaklah pejabat itu dahulu dibuat sebagai contoh.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya berharap juga sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Kuala Selangor tadi saya menyokong yang mana kita tengok baharu-baharu ini di Parlimen, pada hari Sabtu yang lepas ada satu hari penyampaian ijazah berlainan sedikit dari masa yang lain, mahasiswanya memakai songkok dan pakaian kebangsaan. Ini kita puji Naib Canselor yang berkenaan termasuk Menteri sekali yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Ini saya amat-amat puji dan saya lihat cokmar itupun diganti dengan keris dan tidak digunakan cokmar fesyen lama. Jikalau kita dahulu bangga dengan kesenian Malaysia, kebudayaan Malaysia dengan keris dan sebagainya patut kita ambil kebudayaan ini. Tidaklah cokmar yang lama itu. Kalaulah dihujungnya kita bubuh peluru, kalau ada kecemasan boleh digunakan. Saya tidak maksudkan cokmar di dalam Dewan ini, tetapi saya maksudkan di setengah-setengah tempat patut seboleh-bolehnya semua tempat menunjukkan kebudayaan kita, apatah lagi

kebudayaan Melayu yang kita tahu banyak dalam negara kita ini, kita alih Bahasa Melayu menjadi Bahasa rasmi, Ugama Islam menjadi ugama rasmi. Kalau Kebudayaan-kebudayaan Melayu yang kita pegang kita-jadikan kebudayaan rasmi, pada pendapat saya ini amatlah sesuai. Apapun kita jadikan rasmi, kita ambil daripada orang Melayu ini bukanlah cara perkauman tetapi sudah jadi adat macam kita tengok masa lepas, saya ulang sekali lagi Bahasa Melayu kita jadikan Bahasa Rasmi, Ugama Islam ini ugama Rasmi, tetapi di Malaysia ini kita boleh kata tepat kalau Melayu sudah tetap dia Islam. Maka ia kita jadikan ugama rasmi tidak salah pada fikiran saya kalau kebudayaan Melayu di masa lepas juga kita jadikan kebudayaan rasmi negara kita hari ini.

Tuan Pengerusi, saya bercakap secara ringkas berkenaan dengan belia. Saya ucapkan terima kasih kerana belia ini diberikan banyak kursus dan latihan tetapi saya ingin mengesyorkan dua tiga perkara mengenai latihan kepada belia-belia bahawa apabila mereka itu keluar daripada latihan kelak, biarlah boleh berdikari sendiri, maknanya boleh mencari matapencariannya sendiri. Tetapi ada setengah belia hari ini yang dianjurkan oleh KOBENA, kalau tidak silap saya membawa kepada dakwah yang baik dan saya ucapkan tahniah dan Tuhan sahajalah yang akan memberi rahmat kepada pihak yang berkenaan, tetapi apa yang saya maksudkan ini ialah kursus yang ada pada hari ini. Biarlah belia-belia yang pergi berkursus dalam latihan belia itu diberi kursus-kursus yang membawakan mereka itu bukan setakat pergi berkursus untuk berkenalan antara belia Perlis dengan belia Kelantan, Pulau Pinang dan sebagainya tetapi biarlah menjadikan daya usahanya sendiri. Kalau kursus mengenai pertanian, dia boleh uruskan soal pertanian tentang sara-hidupnya sendiri. Kalau kursus menternak ayam, dia balik menternak ayamnya sendiri, janganlah setelah berkursus menternak ayam, dia balik, beli ayam di kedai Cina, dan sebagainya jadi follow-up tidak ada. Saya berharap kursus yang diberi itu biarlah berfaedah kepada belia-belia itu sendiri.

Begitu juga pemberian dan bantuan kepada belia, biarlah kita ikuti (follow-up) jangan ditinggalkan begitu sahaja. Kalau diberi bantuan tetapi tidak diikuti, ini saya rasa akan membazirkan wang Kerajaan. Kita hendaklah memberi seberapa banyak kursus yang boleh tetapi mestilah ada follow-up di belakangnya. Itu yang saya harapkan.

Tuan Pengerusi, saya suka juga menyentuh mengenai sukan. Sukan ini bagus, kerana sukan ini membawa kepada tubuh badan manusia itu sihat, kenal antara satu dengan lain dan banyak orang menjadi kaya kerana sukan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Beruas tadi. Kalau tidak silap saya Muhammad Ali kaya kerana sukanya. Dia menjadi jutawan sekarang.

**Tuan Azahari bin Md. Taib:** Yang Berhormat ini bercakap di bawah peruntukan mana?

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Di bawah peruntukan sukan — bola sepak. Ini sukan juga, Tuan Pengerusi.

**Tuan Azahari bin Md. Taib:** Jangan lari daripada peruntukan yang disebutkan dalam Anggaran ini.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Saya tunjukkan ini sebagai contoh. Begitu juga Pele sekarang ini menjadi jutawan.

**Tuan Azahari bin Md. Taib:** Tolong cakap betul-betul.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Ya, Tuan Pengerusi, ini berkenaan dengan sukan. Maksud saya sukan ini membawa negara kita kepada kebaikan, membawa manusia menjadi baik dan segala-galanya baik maka dengan sebab itu peruntukan ini patut ditambah lagi dan kemudahan-kemudahan daripada pejabat-pejabat lain juga patut ditambah. Sekarang ini dalam sukan, semuanya kita hendak bagus, tetapi kadang-kadang setengah-setengah pegawai di Kementerian yang berkenaan hendak minta cuti pun payah dapat; bila hendak

berlawan, baharulah hendak berlatih, bagaimana hendak mencapai kejayaan. Saya harap kemudahan dan kerjasama daripada tiap-tiap Kementerian perlulah ada.

Di dalam sukan ini juga, Tuan Pengerusi, janganlah diadakan di peringkat pusat sahaja, sebaliknya latihan hendaklah juga diadakan di negeri-negeri supaya bakat-bakat sukan dapat dipilih dan dilatih. Contoh SEA Games dapat memberi pengajaran kepada kita. Pilihan kepada bakat-bakat sukan daripada negeri-negeri adalah perlu. Kita hendaklah mengadakan pertandingan kawasan — daerah, bila datang ke peringkat negeri, baharu kita boleh cari bakat dan bakat yang ada itu baharulah kita latih. Saya contohkan negeri Perlis, berpuluh-puluh tahun yang lepas kalau orang dengar Perlis lawan bola, sudah tentu kalau — 6-10 gol itu tetap. Kalau Kedah lawan bola dengan Perlis, tetap Kedah menang, kalau Pulau Pinang lawan Perlis, Pulau Pinang tetap menang, Perlis tetap kalah. Tetapi hari ini jangan cuba pergi ke Perlis — belum tahu lagi, perangkanya ialah antara 60-40%. Jadi latihan itu amatlah perlu dibuat dan pertandingan kawasan, umpamanya daripada sekolah, daripada daerah, baharulah mutu sukan itu naik. Bila mutu sukan kita telah naik, nama negara kita pun baik, kerana sukan ini membawa kepada perpaduan negara, pergaulan, persahabatan dan sebagainya. Saya harap perkara ini dapat diambil perhatian yang berat.

Tuan Pengerusi, mengenai tempat-tempat latihan sepertimana yang dicakapkan oleh saudara saya tadi, bagaimana Indonesia dapat menggondol pingat emas begitu banyak. Ini ialah kerana kolam renang ada khas boleh berlatih. Kita pun mesti buat macam mana yang disyorkan tadi. Saya fikir di Perlis apa yang patut dibuat ialah tempat sukan dan begitu juga di negeri-negeri lain. Janganlah hendak buat semuanya di Kuala Lumpur, akhirnya seperti kata Wakil dari Arau kelmarin, dalam pertandingan SEA Games tempat diadakan sukan begitu hebat, sepatutnya tempat itu tempat bermain bola, bola ini kalau

tengok ditendang tidak pergi — itu pelik sangat, tetapi apa boleh buat kerana tidak ada tempat, melainkan tempat itu sahaja. Dengan sebab itu saya merayu sekali lagi kepada Kementerian yang berkenaan dan juga kepada Kerajaan, supaya memberi peruntukan yang lebih kepada sukan ini. Dengan adanya sukan ini, ia dapat menggantikan pemuda-pemuda sebagai manusia dalam kampung baik, dalam sekolah baik terutama pemuda kita pergi ke kelab malam, pergi ke tempat berjudi, daripada menghisap dadah dan sebagainya. Dengan ini sekali lagi saya menyokong peruntukan yang diminta.

5.08 ptg.

**Tuan Lim Kit Siang (Kota Melaka):** Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh Kepala B. 26, Butiran 1100, Aktiviti (2) (i) Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan. Sebenarnya saya tidak berniat hendak mengambil bahagian dalam perbahasan ini, tetapi baharu sebentar tadi saya mendengar ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor dan saya rasa perlu dan tepat untuk saya berikan sedikit pandangan saya mengenai perkara yang beliau timbulkan iaitu apakah erti atau definisi Kebudayaan Nasional dan....

**Tuan Azahari bin Md. Taib:** Ahli Yang Berhormat ini bercakap di bawah butiran mana? Kalau sekiranya takrif kebudayaan itu tidak termasuk di bawah Kepala ini. Cuba rujukkan kepada saya bahagian mana supaya senang saya ikuti.

**Tuan Lim Kit Siang:** Aktiviti (2) (i) Pembangunan dan Penggalakan Kebudayaan (Cultural Development and Promotion).

Tadi Yang Berhormat dari Kuala Selangor bertanya, apakah definisi Kebudayaan Nasional oleh kerana kita mesti tahu apakah definisi Kebudayaan Nasional sebelum kita boleh menggalakkan Kebudayaan Nasional. Dan beliau juga menyebutkan mengenai upacara Konvokasi Universiti Teknologi Malaysia di mana timbulnya perkara 20-30

graduan-graduan yang bukan Melayu memboikot upacara itu. Mereka membantah kerana dipaksa menggunakan pakaian Melayu dalam upacara itu. Dan beliau telah berkata ini mungkin satu perkara di mana Kementerian mesti mengambil perhatian kalau pemuda-pemudi di peringkat persekolahan ada diajarkan untuk menghargai (appreciate) Kebudayaan Kebangsaan pasti perkara ini tidak akan berlaku.

Saya rasa perkara ini bukan satu perkara yang kecil, bukan satu perkara yang melibatkan 20 orang atau 30 orang graduates bukan Melayu di Universiti Teknologi Malaysia. Ini satu perkara yang penting berkaitan dengan definisi dan erti kebudayaan-kebudayaan Malaysia. Adakah kita faham bahawa di negara kita terdiri dari satu diversity kebudayaan-kebudayaan atau culture atau adat-adat atau cara-cara kehidupan dan kalau kita mahu menyatu-padukan rakyat dan kebudayaan ialah satu kunci untuk perpaduan negara. Jika kita mahu menyatu-padukan rakyat kita yang terdiri dari berbilang bangsa, bahasa yang berlainan, ugama yang berlainan dan latar belakang kebudayaan yang berlainan, kita mesti elak daripada mengambil satu sikap atau tindakan yang memaksa setiap golongan melencongkan daripada cara-cara kehidupan mereka dan kita tidak boleh nafi-kan baik samada orang Melayu atau orang bukan Melayu, kerana setiap kaum mempunyai cara-cara kehidupan yang mereka anuti dan dalam pada ini, upacara konvokasi Universiti Teknologi Malaysia di mana paksaan dibuat untuk para graduate yang bukan Melayu memakai pakaian Melayu atau pakaian kebangsaan, saya rasa ini menunjukkan bahawa pihak-pihak yang berkenaan, khususnya Vice Chancellor, Universiti Teknologi Malaysia tidak menghargai cara kehidupan kaum-kaum yang bukan Melayu....

**Tuan Azahari bin Md. Taib:** Ahli Yang Berhormat tidak payah bahaskan dengan begitu panjang, cuma harus tegaskan berkenaan dengan definisi kebudayaan sahaja;

tidak usah dikaitkan dengan orang-orang yang kita tidak boleh bercakap dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran ada di sini, beliau pun boleh ulas kalau mahu oleh kerana perkara inipun telah dibawa oleh Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran.

Sebenarnya, saya tidak mahu sebut perkara ini tetapi tadi Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor ada sebut perkara ini dan saya rasa sangatlah mustahak perkara ini diperbetulkan.

Adakah tujuan kebudayaan atau diversity kebudayaan negara ini disamakan, diequatekan dengan pakaian, disamakan (equate) dengan satu cara kehidupan? Saya rasa ini satu pandangan yang sempit, yang tidak sihat dan bukan satu cara di mana kita mesti duduk, bangun dan membahaskan kebudayaan Malaysia. Akibatnya ialah perpecahan rakyat Malaysia sahaja oleh kerana seperti saya kata tadi perkara ini bukan sahaja melibatkan satu occasion, lain-lain occasion, lain-lain tempat pun mahu tunjuk apa erti kebudayaan-kebudayaan Malaysia. Saya yakin bukan sahaja 20-30 orang yang terlibat tetapi ramai rakyat Malaysia sangat mengambil perhatian yang memandang berat atas perkara ini.

Saya berdiri di sini untuk buat satu seruan kepada pihak-pihak yang berkuasa khasnya Kementerian Kebudayaan mesti faham make-up Malaysia iaitu Malaysia ialah sebuah negara yang multi-cultural, 'multi-racial, multi-religious dan janganlah baikpun secara langsung atau tidak langsung memaksa setiap golongan untuk menggunakan satu cara atau cara kehidupan, kalau sukarela — baik, tetapi janganlah paksa. Ini tidak akan menguntungkan dan berguna untuk rakyat Malaysia dan Malaysia.

Saya hendak sebut sedikit mengenai sukan. Baru-baru ini kita telah mengadakan SEA

Games. Sukan ialah satu alat yang mustahak di mana rakyat Malaysia dari semua keturunan boleh mengambil bahagian dengan satu fikiran sahaja dan ini mengatasi fikiran-fikiran unsur-unsur perkauman. Kita boleh lihat dalam minggu SEA Games diadakan itu semua rakyat Malaysia tidak kira umur, tua atau muda, tidak kira kaum, samada orang Cina, orang Melayu atau orang India tengok programme itu, baikpun olahraga, soccer, hockey atau renang dan mereka harap bahawa participant Malaysia tidak kira samada mereka terdiri dari kaum orang Melayu, Cina atau India akan menang dan bila menang rakyat gembira, bila kalah, mereka pun berasa sedih hati. Itu menunjukkan apa? Itu menunjukkan terdapat innate loyalty dan perasaan cinta kepada Malaysia. Itulah yang mesti difikirkan oleh pihak Kementerian Kebudayaan. Kita mesti build upon, innate loyalty dan love kepada negara kita ini. Adakah kita boleh kata kita mempunyai build upon, innate loyalty, (ketaatsetiaan) dan cinta kepada negara? Perkara yang berlaku di Konvoquesyen Universiti Teknologi Malaysia memecah, melemahkan atau sabotajkan cinta semulajadi (innate love) dan loyalty kepada negara ini. Saya harap perkara ini boleh dapat minat serta perhatian yang mendalam oleh Yang Berhormat Menteri dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta perhatian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana ini adalah satu perkara yang sangat mustahak, sangat penting. Kalau mahu paksa — boleh, tetapi akibatnya ialah kita mendapat sebuah negara serta rakyat yang tidak bersatu-padu.

*5.16 ptg.*

**Datuk Abdul Samad bin Idris:** Tuan Pengerusi, saya bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan yang tinggi di atas pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat berhubung dengan peruntukan yang telah dimajukan di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ini.

Saya merasakan sesuatu yang sangat berbahagia bagi saya kerana apa yang telah banyak diucapkan, pandangan, teguran dan sokongan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi adalah sesuatu yang telah ada dalam ingatan Kementerian ini dan Kerajaan kita amnya, dan pelaksanaan-peraksanaan dalam bidang ini sedang berjalan dengan teratur dan menurut program-program yang telah disediakan. Dalam pelaksanaan baik di bidang kebudayaan, belia dan sukan bukanlah tanggungjawab Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan secara mutlak, tetapi adalah juga tanggungjawab beberapa Kementerian, beberapa Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan juga tidak kurang pentingnya pihak swasta. Oleh kerana itu dalam hal pembangunan dan kemajuan dalam tiga bidang ini tenaga dan perpaduan dari semua pihak adalah sangat-sangat diperlukan.

Biarlah saya menyentuh permulaan ini dalam bidang kebudayaan kerana kebudayaan ini ada setengah-setengah pihak tidak memahami secara mendalam apakah erti kebudayaan itu. Kebudayaan ini kalau kita ertikan dan jika diceramahkan terlalu panjang dan tidaklah saya berhajat hendak memberikan ceramah kebudayaan dalam Dewan yang mulia ini tetapi kesimpulan dari erti kebudayaan ini bolehlah saya rangkumkan iaitu kebudayaan adalah merangkumi seluruh aspek penghidupan manusia dan bidangnya (scope) adalah amat luas dan mencerminkan keperibadian bangsa dan negara itu sendiri. Kerana itu dalam hal ini Kerajaan amat menyedari akan tanggungjawabnya di dalam pelaksanaan ini berdasarkan pandangan-pandangan secara yang bertanggungjawab iaitu berdasarkan negara kita yang mempunyai tiga kaum yang besar yang lahir dan hidup dari punca-punca saluran kebudayaan yang berbeza-beza.

Dalam hal ini, Tuan Pengerusi, Kerajaan telahpun menerima dasar atau garis panduan untuk dilaksanakan dalam mencorakkan

kebudayaan kebangsaan kita dan dalam bidang ini atau dalam perlaksanaannya tidaklah Kerajaan berhajat sama sekali untuk membuat paksaan kepada mana-mana pihak supaya menerima apa-apa sahaja bentuk kebudayaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan dalam beberapa hal yang tertentu. Dalam pelaksanaan ini juga Kerajaan bercadang dalam menentukan pelaksanaan supaya berkesan ialah melaksanakan dalam dua bentuk terbesar iaitu yang pertama dalam jangka waktu yang pendek dan satu lagi dalam jangka waktu yang panjang.

Di sini suka saya menggariskan tiga dasar atau falsafah yang akan dijadikan pegangan kepada Kerajaan dalam pelaksanaan ini yang telah diluluskan oleh Kongress Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971 yang lalu.

- (1) Kebudayaan Kebangsaan itu hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.
- (2) Uagama Islam hendaklah menjadi unsur terpenting dalam menentukan dasar kebudayaan kebangsaan dan (tiga) kebudayaan-kebudayaan asing boleh diterima menjadi unsur-unsur kebudayaan kebangsaan mana-mana yang sesuai.

Dalam hal inilah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Kementerian-kementerian yang berkenaan dalam melaksanakan kebudayaan kebangsaan ini berpandukan kepada garis-garis dan falsafah-falsafah yang disebutkan itu. Dalam usaha melaksanakan ini, Kementerian saya tidaklah begitu mengambil peranan yang besar kerana alat-alat yang ada di Kementerian tidak mencukupi tetapi yang penting sekali di dalam pelaksanaan ini ialah pihak Kementerian Penerangan sendiri iaitu melalui siaran TV dan juga Radio. Selain daripada itu Kementerian Pelajaran juga memainkan peranan penting dalam pelaksanaan ini dalam jangka panjang iaitu melalui pendidikan anak-anak di sekolah.

Dalam hal ini Kerajaan juga sangat menyedari akan perkara ini iaitu adalah satu perkara yang sangat sensitif sifatnya sedikit di dalam beberapa hal. Sebab itu saya ulang lagi dalam hal ini Kerajaan tidak hendak memaksa satu pelaksanaan itu secara yang kasar atau baik secara yang tidak dapat diterima oleh satu pihak, kerana boleh diibaratkan kebudayaan ini kalau kita misalkan kepada soal makan, kalau seorang itu tidak suka kepada lauk atau kari yang hendak dihidangkan itu, kita suapkan juga, maka dia boleh jadi muntah. Tetapi sebaliknya kalau kita cubakan makanan itu dengan sedikit-sedikit mula-mula kuahnya sedikit, lepas kita hidangkan lauknya, saya percaya dengan cara demikian dia akan menerima walaupun pada mulanya dia tidak berhajat ataupun tidak suka kepada sesuatu yang kita sogok itu.

Saya tidaklah berhajat hendak mengulas satu-persatu, Tuan Pengerusi, apa yang diucapkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap sebentar tadi. Tetapi di sini dalam bidang pegawai memanglah berkurangan dan amat dirasai oleh Kementerian terutama sekali pegawai-pegawai yang mahir dalam bidang ini.

Di sini sukalah saya menyatakan perasaan sedih Kementerian ini kerana seorang pegawai Kementerian ini yang banyak berpengalaman dan penuh tanggungjawab dan dedikasi telah terkorban dalam nahas kapalterbang yang berlaku pada malam Isnin yang lain. Beliau ialah saudara Ghadas Ariff. Beliau adalah pegawai yang sangat bertanggungjawab di Kementerian ini yang mempunyai daya usaha yang istimewa. Saya puji dan semenjak beliau bertanggungjawab di dalam Kementerian ini, salah satu tenaga yang amat besar di dalam usaha meninggikan taraf kebudayaan kita di negara kita ini. Di atas kehilangan beliau itu, Kementerian khususnya adalah sangat-sangat dirasakan kehilangannya dengan perasaan yang dukacita yang muram di Kementerian telah berlaku semalam.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, kesimpulan daripada semua ucapan Yang

Berhormat tadi Kerajaan telahpun menyedari hal ini dan telahpun membentuk sebuah Jawatankuasa Penyelaras bagi pelaksanaan kebudayaan kebangsaan ini. Jawatankuasa ini adalah meliputi seluruh Kementerian-kementerian dan juga pihak-pihak yang tertentu termasuk Kerajaan-kerajaan Negeri.

Saya berharap dengan terbentuknya Jawatankuasa Penyelaras bagi pelaksanaan kebudayaan kebangsaan ini, apa yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu akan dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Menyentuh soal kegiatan belia seperti yang diutarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi memanglah pentingnya belia ini dipupuk, dimaju, dibimbing dan dipimpin menuju ke suatu arah yang mereka sendiri dapat bukan sahaja berdiri di atas kakinya sendiri di dalam beberapa bidang tetapi juga dapat memberikan satu gambaran yang nyata kepada negara kita bahawa belia itu adalah menjadi harapan bangsa.

Dalam hal ini Kerajaan melalui Kementerian saya amat menyedari soal keruntuhan akhlak dan juga penyalahgunaan dadah, kerana itulah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menganjurkan satu kursus khas mengenai pendidikan akhlak ini yang berdasarkan atau berlandaskan ugama Islam. Semenjak kursus ini dimulakan di Dusun Tua kira-kira 11 bulan yang lalu, hasilnya sangatlah memuaskan dan sangat dibanggakan. Dari laporan yang saya terima menunjukkan akhlak belia-belia yang mengikuti kursus ini telah berubah sama sekali daripada keruntuhan, samada keburukan dan kejahatan menjadi baik dan daripada baik menjadi kepada yang lebih baik, dan daripada yang lebih baik ternyata lebih-lebih baik. Dahulu ada setengah-setengah pihak telah menuduh Kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak berbuat sesuatu mengenai dengan akhlak belia dan tidak ada didikan ugama diberikan dan lebih-lebih lagi tidak ada dakwah ugama Islam

diberikan kepada belia-belia kita. Bila rancangan ini berjalan ada pula sebahagian besar orang kita yang telah menuduh sesuatu yang tidak kena pada tempatnya di atas rancangan ini. Saya harap kepada mereka itu sebelum membuat sesuatu tuduhan, kerana Kementerian ini bertanggungjawab dalam soal mengadakan latihan ini, saya berharap mereka yang tak puashati itu patut menemui pegawai-pegawai yang berkenaan dan saya sendiri untuk mengetahui dengan sebenarnya apakah kursus yang dijalankan ini bertentangan dengan pihak yang tertentu, atau dengan lain perkataan, boleh merosakkan belia atau sebaliknya menjadi kebaikan. Tetapi di sini sukalah saya menyatakan bahawa apa yang dijalankan itu adalah mendatangkan kebaikan kepada belia-belia kita.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Sepang ada menyebut tadi berkenaan dengan KOBENA yang menyebutkan Kerajaan tidak memperuntukkan dalam peruntukan 1978 tetapi di sini suka saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada P. 26 muka surat 192 ada diuntukkan \$2,500,000.00 sebagai pinjaman dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini. Wang ini boleh digunakan kepada apa juga rancangan pembangunan KOBENA yang sekarang ini walaupun setengah-setengah tempat saya ketahui dan diberi faham kurang mendapat sambutan dalam pembelian saham daripada belia-belia kita. Ini barangkali kerana belum ada penerangan-penerangan yang luas diberikan, tetapi kursus-kursus mengenainya telahpun dibuat di beberapa buah negeri dan kempen-kempen juga sedang dijalankan supaya belia-belia kita menjadi ahli dalam KOBENA ini. Dan Kementerian ini tidaklah menunggu saham-saham daripada belia-belia untuk bergerak malahan saham-saham itu adalah dianggap sebagai tambahan daripada kumpulan wang sejumlah \$3,000,000 yang diperuntukkan oleh Perbendaharaan ini untuk boleh menjalankan terus dan tidak ada apa halangan bagi KOBENA untuk bergerak dan tidak pula berharap menunggu saham-saham yang saya katakan tadi daripada belia-belia baru hendak ber-

gerak, malahan KOBENA telah menggerakkan beberapa projek yang mendatangkan keuntungan.

Berkaitan dengan latihan-latihan di Pusat Belia Dusun Tua yang disentuh oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, latihan kemahiran di Dusun Tua ini adalah memberi kesan yang sangat baik kepada belia-belia kita dan usaha ini sedang diperkembangkan dan satu tempat latihan lagi yang bercorak pertanian telah diminta kebenaran daripada Kerajaan Negeri Selangor iaitu kalau dahulunya di Sepang, Selangor seluas 200 ekar tetapi nampaknya di saat akhir ini bila disiasat tanah itu tidak sesuai untuk dijadikan latihan pertanian. Tetapi telah dimohon satu tanah lagi seluas 200 ekar juga dan kawasannya tidak berapa jauh dari sini. Diharap apabila tanah ini diperolehi kelak usaha-usaha untuk menambah lagi pusat latihan ini dalam bidang pertanian akan berjalan dengan baik dan lancar.

Selain daripada itu, Tuan Pengerusi, memanglah usaha-usaha yang dijalankan di pusat latihan ini mendatangkan kebaikan. Dan atas saranan daripada Ahli Yang Berhormat tadi untuk diluaskan di tiap-tiap negeri, barangkali ini Kerajaan terpaksa berfikir panjang sedikit terutama sekali untuk mendapatkan tenaga-tenaga mahir sebagai pelatih adalah sukar. Di Dusun Tua ini juga kami mengalami kesukaran untuk mendapat tenaga pelatih yang mahir dan ada didapati tenaga pelatih yang mahir, mereka terpaksa keluar daripada menjadi guru kerana memilih satu kerja yang lebih baik. Ini tidak dapat Kementerian ini menahan mereka itu kerana usaha mereka untuk mendapatkan wang yang lebih tentulah mereka memilih yang lebih baik.

Berkait dengan rancangan pertukaran belia, ini juga menarik perhatian kerana adanya berita di akhbar belia-belia kita dikatakan bercumbu-cumbuan di Lapangan-terbang dan dalam siaran akhbar itu disebutkan yang bercumbu itu ialah wanita dari

Malaysia dan lelakinya dari Kanada. Tetapi yang sebenarnya bukan wanita Malaysia atau gadis Malaysia tetapi pemuda Malaysia dan gadis itu orang Kanada. Di sini satu kejadian yang tidak disangka sama sekali oleh Ketua Perwakilan Belia kita yang hadir pada waktu itu yang membawa rombongan balik iaitu pegawai di Kementerian sendiri. Kejadian ini boleh dianggap sebagai satu kejadian yang agak malang sedikit kepada belia-belia kita yang mengikuti rombongan ini, kerana dari berita itu tersibar luas yang mengaitkan keseluruhan kegiatan pertukaran belia yang dianjurkan oleh Kementerian ini dengan negara-negara lain. Saya memberi akuan di sini bahawa disebabkan kejadian ini telah menjadi siaran yang besar dalam akhbar maka saya telah membawa usul dalam Majlis Perundingan Belia Negara yang bersidang bulan sudah supaya membentuk satu Jawatankuasa Bebas yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian sendiri dan anggotanya terdiri daripada wakil-wakil badan-badan belia supaya bukan sahaja menyiasat soal kejadian di Lapanganterbang itu tetapi juga meliputi keseluruhannya mengenai pertukaran belia ini dari segi baik buruknya dan bagi saya sendiri menganggap kejadian malang di Lapanganterbang itu bukanlah boleh kita hendak membatalkan terus sama sekali pertukaran belia ini. Dalam rancangan pertukaran belia ini amat baik dan memberi kesan yang agak mendalam serta pengalaman dan pelajaran yang didapati oleh pertukaran ini boleh mendatangkan faedah kepada belia-belia kita. Saya tetap menganggap janganlah disebabkan nila setitik kita tumpahkan susu sebelanga, walaupun kerana seekor kerbau membawa lumpur semuanya terpalit, tetapi semuanya ini boleh kita betulkan dan saya harap hal ini akan dapat kita betulkan, Insya Allah.

Rancangan Belia Peladang dan Belia Berniaga adalah satu rancangan yang sangat baik dan mendatangkan banyak faedah kepada belia-belia kita. Dan atas saranan, pandangan teguran dan sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat tadi supaya Kerajaan dapat meng-

utukkan lebih banyak kewangan kepada Kementerian ini, saya sangat-sangat menyokong dan memanglah Kerajaan sentiasa mengambil perhatian dalam bidang ini dan diharap peruntukan-peruntukan ini saya merasakan tidaklah begitu sukar untuk mendapatkan tambahan jika sebarang peruntukan atau projek yang dimajukan itu mendatangkan faedah kepada belia-belia kita.

Berhubung dengan sukan, sukalah saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian atas pandangan itu dan sukan ini adalah sesuatu yang sangat baik dan kalaulah dalam bidang-bidang yang lain dapat belia-belia kita dan sesiapa juga termasuk orang dewasa dapat melupakan soal perkauman, soal keturunan, soal perbezaan warna kulit, ugama dan bangsa seperti yang telah ditunjukkan dalam bidang sukan ini alangkah bahagianya negara kita di masa depan. Dari apa yang saya lihat dan mengikuti beberapa rombongan pasukan sukan kita keluar negeri maka nyata kepada saya bahawa apa yang ditunjukkan oleh ahli-ahli sukan kita baik bermain, baik bergaul dan sebagainya menunjukkan sesuatu pertanda yang sangat baik dan memberikan harapan yang sangat besar kepada masa depan negara kita ini, kerana masing-masing mereka itu melupakan sama sekali akan keturunan, ugama, kebudayaan dan lain-lain. Malahan mereka menumpukan satu iaitu mereka mahu menang dalam pertandingan itu, bila berlawan nanti. Dengan kerjasama yang sangat baik dan penuh bersemangat kesukanan iaitu mereka tidak lupa bahawa mereka adalah mewakili negara ini. Tetapi dalam pada itu ada juga sedikit-sedikit penuntun-penuntun yang saya lihat dan saksikan sendiri dalam pertandingan-pertandingan negara kita ini yang memberikan tepukan yang lebih hebat kepada pasukan negara lain daripada pasukan negara mereka sendiri. Ini adalah sikap penuntun yang amat dikesali, tetapi tidak usahlah saya sebutkan di mana dan saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian sedia maklum. Dalam pertandingan Basket Ball yang diadakan baru-baru ini pun saya lihat kejadian

ini berlaku. Dan apa yang saya harapkan melalui Dewan ini supaya penuntun-penuntun kita dapat bersama dengan pemain-pemain kita sendiri menunjukkan satu tauladan yang baik dalam menuntun pertandingan sukan yang mewakili negara kita, yang saya katakan tadi belia-belia kita itu adalah melupakan sama sekali akan keturunan, kebudayaan, ugama mereka, tetapi mereka bersatu untuk kemenangan yang mewakili negaranya sendiri.

Atas saranan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor menarik perhatian saya sedikit iaitu supaya melantik Cik Marina Chin menjadi Pegawai Sukan Kementerian ini yang dikatakannya boleh menyatupadukan ahli-ahli sukan dan pegawai-pegawai yang lain, saya fikir kalau Cik Marina Chin dilantik menjadi pegawai sukan saya nampak gejalanya boleh bersatu pada satu pihak, tetapi saya fikir banyak buruknya dan banyak orang yang cemburu. Jadi ini boleh melemahkan ahli-ahli sukan yang lain, bukan untuk kebaikan. Tetapi sekiranya nanti ada pegawai-pegawai wanita sukan di Kementerian hendak diambil dan kalau Cik Marina Chin berminat dalam bidang ini, saya percaya pihak yang bertanggungjawab yang mengambil pegawai-pegawai akan menimbangkan permohonan itu.

Tuan Pengerusi, saya fikir tidak usahlah saya menjelaskan panjang lebar di sini di atas pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi. Saya mengambil perhatian yang sungguh-sungguh dalam hal ini dan baik dalam bidang kebudayaan, belia mahupun sukan. Memanglah Kerajaan amat menyedari beberapa kelemahan kita terutama dalam pertandingan SEA Games yang baru ini menunjukkan negara kita telah jatuh ke nombor empat tetapi dalam pertandingan sukan ini walaupun kita mahukan kemenangan tetapi jangan kita lupa soal imej negara kita adalah penting. Kalau kita menang dengan cara yang tidak senonoh atau secara tidak sihat ini boleh merosak dan menjatuhkan imej negara kita kerana ini salah satu tujuan Kerajaan kita memberikan perhatian yang berat dalam bidang sukan ini

ialah untuk menegak dan mencari jalan supaya negara kita dapat dikenal oleh dunia iaitu dikenal dengan cara yang baik, bukan dikenal dengan cara yang tidak baik. Jadi kerana itu setiap kali ahli-ahli sukan yang hendak keluar negeri kita saya berpesan dengan sungguh-sungguh dalam bidang ini biar kita kalah tetapi nama baik negara kita jangan cacat.

Di atas pandangan Ahli Yang Berhormat dari Sepang juga mengenai dengan Majlis Sukan Negara, Kementerian telahpun menyedari akan kelemahan-kelemahan dalam Akta Sukan ini dan satu pindaan telahpun disediakan oleh Kementerian ini dan sekarang dalam pertimbangan oleh pihak Kementerian Undang-undang. Saya berharap pindaan Undang-undang ini akan dapat dibawa dalam Dewan ini secepat mungkin kerana dengan pindaan ini adalah diharapkan supaya bukan sahaja Kerajaan kita dapat menguntukkan pertambahan wang tetapi juga kita berharap derma-derma daripada pihak swasta supaya menyumbang kepada pasukan sukan kita. Dalam negara-negara yang maju dalam bidang sukan seperti negara-negara sebelah Eropah dan juga Jepun apa yang saya difahamkan Kerajaan selain daripada menyumbangkan wang juga pihak firma-firma dan pihak swasta adalah menyumbangkan wang yang lebih besar daripada pihak Kerajaan sendiri. Jadi, pindaan Akta Majlis Sukan Negara yang akan dimajukan kelak perkara-perkara seumpama ini akan dimasukkan semuanya dan akan dapat ditimbang dan dibahaskan oleh Dewan yang mulia ini dan diharapkan dapat sokongan yang baik.

Tuan Pengerusi, sekian sahajalah pandangan saya dan jawapan di atas teguran, nasihat dan juga sokongan yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, mudah-mudahan negara kita ini akan mencapai kemajuan yang pesat dalam bidang kebudayaan, belia dan sukan untuk masa depan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$20,910,000 untuk Kepala B. 26 dan \$1,926,000 untuk Kepala B. 27 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$7,425,040 untuk Kepala B. 26 dan \$500,010 untuk Kepala P. 27 ditunjukkan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1978.

**Tuan Pengerusi:** Sebagaimana yang telah saya umumkan pada hari semalam sekarang sampai giliran Kementerian Pelajaran dan saya jemput Yang Berhormat Menteri Pelajaran mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya.

*Kepala B. 29 dan B. 30 (Jadual) —  
Kepala P. 29 dan P. 30 (Anggaran Pembangunan, 1978) —*

5.45 ptg.

**Menteri Pelajaran (Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad):** Tuan Pengerusi, saya ingin membentangkan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Belanja Pembangunan Kementerian Pelajaran berjumlah sebanyak dua ribu satu ratus lima puluh juta, tiga ratus tiga puluh lima ribu dan sebelas ringgit (\$2,150,335,011) bagi tahun 1978 dan mencadangkan supaya peruntukan yang berikut diluluskan.

(a) *Anggaran Belanja Mengurus*

|  |                        |
|--|------------------------|
| Kepala Bekalan 29 —<br>Kementerian Pelajaran               | \$1,450,694,000        |
| Kepala Bekalan 30 — Jabatan<br>Pelajaran Sarawak dan Sabah | 275,704,300            |
| Jumlah   | <u>\$1,726,398,300</u> |

(b) *Anggaran Pembangunan*

|   |                    |
|---|--------------------|
| Kepala Pembangunan 29 —<br>Kementerian Pelajaran                  | \$297,698,711      |
| Kepala Pembangunan 30 —<br>Jabatan Pelajaran Sarawak dan<br>Sabah | 126,238,000        |
| Jumlah  | <u>423,936,711</u> |

Tuan Pengerusi, bagi tahun 1977 ini, peruntukan Belanja Mengurus yang telah diluluskan bagi Kementerian Pelajaran ialah \$1,395,791,400. Keperluan tahun 1978 adalah bertambah sebanyak \$330,606,900 atau hampir-hampir 24% melebihi peruntukan tahun 1977 ini. Bagi peruntukan Pembangunan pula, untuk tahun 1977 ini, Kementerian Pelajaran akan membelanjakan sebanyak \$357,471,108 dan oleh itu peruntukan yang dipohonkan bagi tahun 1978 adalah \$66,465,603 atau hampir-hampir 19% melebihi peruntukan 1977 ini.

Sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat maklum, satu daripada usaha Kerajaan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru adalah melalui pelajaran dan untuk menegaskan lagi kepentingan pelajaran bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru itu, ingin saya memetik beberapa perenggan daripada Rancangan Malaysia Ketiga seperti berikut:—

“Sistem pelajaran dan latihan akan menitikberatkan usaha melengkapkan belia-belie dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan supaya mereka dapat mengambil bahagian yang lebih berkesan lagi dalam pembangunan ekonomi. Kekurangan kemahiran terutama di peringkat ikhtisas, teknik, pengurusan dan pertukangan telah menyekat perkembangan ekonomi.” (Perenggan 1368);

“Dalam tempoh RMT, beberapa langkah akan diambil bagi menyesuaikan lagi sistem pelajaran untuk menampung keperluan tenaga rakyat. Pengajaran matapelajaran-matapelajaran sains dan ilmu hisab di peringkat sekolah rendah dan menengah akan diperkukuhkan menerusi penambahan alat-alat mengajar dan bilangan Guru-guru Sains dan Ilmu Hisab. Bilangan penuntut-penuntut dalam bidang-bidang sains, teknikal dan vokesyenal di peringkat menengah atas akan ditambah menjadi 51.6% dari jumlah penuntut di peringkat tersebut dalam tahun 1980, berbanding dengan 39.4% dalam tahun 1975. Perlaksanaan sukatan pelajaran ilmu hisab moden

dan sains paduan di peringkat-peringkat sekolah menengah rendah dan atas akan terus dikaji semula dari semasa ke semasa.” (Perenggan 1369).

Dengan ini, Tuan Pengerusi, saya akan mengemukakan perbincangan keperluan belanjawan bagi Kementerian Pelajaran ini serta Jabatan-jabatan Pelajaran di Sarawak dan Sabah mengikut Aktiviti yang telah ditetapkan. Keperluan Anggaran Belanja Pembangunan juga akan dibincangkan bersama iaitu akan dikaitkan dengan Aktiviti-aktiviti yang bersabit dengan rancangan-rancangan pembangunan.

### AKTIVITI PENTADBIRAN AM

Tuan Pengerusi, Aktiviti Pentadbiran Am adalah satu-satunya Aktiviti yang terpenting di Kementerian ini. Pejabat-pejabat Menteri serta Timbalan-timbalannya dan juga Pejabat-pejabat Ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua Pengarah Pelajaran adalah termasuk dalam Aktiviti ini. Selain daripada itu Aktiviti ini mempunyai 22 Bahagian dan Jabatan iaitu 11 Bahagian di peringkat Kementerian dan 11 Jabatan Pelajaran di Negeri-negeri Semenanjung.

Di peringkat Kementerian, selain dari 11 Bahagian yang disebutkan tadi di dalam Aktiviti ini, ada lagi 5 Bahagian lain yang tidak termasuk dalam Aktiviti ini tetapi termasuk dalam Aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah dan 2 Bahagian lain yang berasingan yang masing-masingnya mempunyai Aktivitinya sendiri, iaitu Latihan Guru dan Pengurusan Peperiksaan. Oleh itu dari segi keseluruhannya, di peringkat Kementerian ada 18 Bahagian, iaitu 11 di dalam Aktiviti Pentadbiran Am, 5 di dalam Aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah, 1 Latihan Guru dan 1 Pengurusan Peperiksaan.

Daripada 18 Bahagian ini, 6 darinya adalah Bahagian-bahagian Gunasama (bukan

profesional), 11 Bahagian Profesional dan 1 Wakil Tetap Malaysia di UNESCO, Paris.

Mengikut amalan Pentadbiran Kerajaan kita sekarang, pemisahan adalah dibuat di peringkat Kementerian di antara tanggungjawab profesional dan bukan profesional. Bahagian-bahagian Profesional menumpukan tanggungjawab dan tugas-tugas mereka kepada Perancangan, Perlaksanaan dan Pentadbiran Pelajaran dan menentukan supaya Dasar-dasar Pelajaran Kerajaan serta maklumat-maklumat yang dituju akan dicapai dengan kejayaan yang memuaskan.

Sebaliknya Bahagian-bahagian bukan profesional pula, iaitu Bahagian-bahagian Gunasama seperti Pentadbiran, Perkhidmatan dan Perjawatan, Kewangan dan Akaun, Urusan Pelajaran Tinggi dan Biasiswa dan Urusan-urusan mengenai kerjasama serantau dan antarabangsa, adalah mengelolakan perkara-perkara “housekeeping”. Walau bagaimanapun ada Urusan-urusan Pentadbiran Pelajaran yang tidak dapat diasingkan secara water-tight antara yang profesional dengan yang bukan. Oleh itu beberapa bahagian terpaksa ditadbir melalui pegawai-pegawai yang lebih mirip kepada yang profesional.

Daripada 11 Bahagian di peringkat Kementerian yang disebutkan tadi, satu daripadanya iaitu Bahagian Pembangunan dan Bekalan telah ditubuhkan pada akhir tahun 1976 dengan mencantumkan Cawangan-cawangan Pembangunan dan Bekalan yang dahulunya di bawah Bahagian Kewangan dan Akaun dan juga Cawangan Bank Dunia yang dahulunya di bawah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran. Pada awal tahun 1977 ini, satu lagi cawangan baru telah ditubuhkan di bawah Bahagian Pelajaran Tinggi yang diketahui dengan nama Pusat Pengurusan Maklumat Pelajar-pelajar dan ditubuhkan bagi maksud mengutip maklumat-maklumat mengenai pelajar-pelajar samada di dalam atau di luar negeri dan menganalisa maklumat-maklumat tersebut bagi tujuan

perancangan tenaga manusia dan selanjutnya memenuhi matlamat penyusunan semula masyarakat melalui peluang-peluang pelajaran tinggi.

Untuk mencapai matlamat memperbaiki mutu dan meninggikan taraf pendidikan di sekolah-sekolah selaras dengan tujuan-tujuan Dasar Ekonomi Baru dan Perpaduan Negara, Pusat Perkembangan Kurikulum telah ditugaskan untuk mengatur:—

- (a) Penyelidikan dan Penilaian Kurikulum
- (b) Perkembangan Kurikulum Bahasa
- (c) Perkembangan Kurikulum Sekolah Rendah dan
- (d) Latihan dan Sebaran Kurikulum.

Perkembangan kurikulum melibatkan kegiatan-kegiatan perancangan, penyelidikan, perkembangan bahan-bahan untuk guru dan murid, penilaian bahan-bahan ini, dan pelaksanaannya. Tempoh sesuatu kegiatan ini boleh mengambil masa yang lama, manakala matlamat atau arah asal kegiatan itu mungkin perlu diubahsuai mengikut perubahan keadaan. Oleh yang demikian, implikasi perbelanjaan dan perjawatan adalah luas.

Projek-projek yang telah dimulakan oleh Pusat Perkembangan Kurikulum telahpun memasuki ke peringkat perkembangan bahan-bahan kurikulum dan pada tahun 1978 akan menghebatkan lagi usaha dalam bidang ini dan juga akan meneruskan atau memulakan penilaian bahan-bahan di sekolah-sekolah percubaan.

Pusat ini akan mengubal sukatan pelajaran untuk Pendidikan Akhlak yang telah dirancang sebagai satu matapelajaran yang akan diajar di sekolah rendah dan menengah serentak dengan matapelajaran ugama Islam. Satu penilaian keseluruhan (Summative evaluation) di bidang sains dan Hisab Menengah dengan tujuan mengkaji dan menilai kemajuan dan kesesuaian kursus-kursus sains dan hisab yang telah disediakan

dan sedang digunakan oleh sekolah-sekolah akan juga dimulakan.

Implikasi perkembangan kurikulum dari segi Dasar Pelajaran dan objektif-objektif negara bukan sahaja luas tetapi juga mempunyai implikasi jangka panjang. Dengan mengadakan bahan-bahan kurikulum untuk murid dan guru yang lebih bermakna satu taraf pengajaran dan pembelajaran yang lebih sesuai dapat dicapai.

Dengan ini, Tuan Pengerusi, bagi Aktiviti ini Kementerian Pelajaran memerlukan peruntukan sebanyak \$41,103,400 bagi keperluan Belanja Mengurus untuk tahun 1978 iaitu keperluan sebanyak \$29,851,400 bagi Semenanjung Malaysia dan \$11,252,000 bagi Sarawak dan Sabah. Peruntukan yang dipohonkan ini, Tuan Pengerusi, adalah melebihi peruntukan tahun 1977 sebanyak \$11,252,000 atau 37.69% daripada yang lama. Peruntukan ini adalah diperlukan bagi menampung perbelanjaan untuk Bahagian-bahagian di peringkat Kementerian dan Jabatan-jabatan di peringkat negeri yang mana semuanya memerlukan peruntukan yang agak lebih tinggi daripada peruntukan tahun 1977 ini bagi menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih sempurna dan memuaskan.

Untuk maklumat Ahli-ahli Yang Berhormat, sebahagian daripada tambahan peruntukan ini adalah disebabkan oleh Pelaksanaan Gaji Baru mengikut Sekim Gaji Jawatankuasa Kabinet dan juga bagi menampung kenaikan harga barang-barang yang di luar kawalan Kementerian ini.

Di bawah Aktiviti Pentadbiran Am ini peruntukan adalah juga diperlukan bagi Belanja Pembangunan sebanyak \$1,938,559 untuk mengadakan kemudahan-kemudahan seperti bangunan-bangunan pejabat yang mana beberapa pejabat-pejabat baru telah dirancang iaitu di Perak, di Melaka dan di beberapa daerah di Sarawak. Peruntukan

ini selain daripada membina bangunan-bangunan baru ini akan digunakan untuk membeli perkakas-perkakas dan perabut-perabut untuk bangunan-bangunan tersebut dan juga untuk bangunan-bangunan yang akan dan sedang disiapkan dalam tahun 1977 ini atau awal tahun 1978.

### AKTIVITI LATIHAN GURU

Tuan Pengerusi, Latihan Guru adalah satu Aktiviti yang berasingan. Kementerian Pelajaran mempunyai peranan yang penting dalam menyediakan dan mengeluarkan guru-guru yang terlatih bagi memenuhi keperluan negara di bidang pelajaran, khususnya di peringkat sekolah rendah dan menengah rendah. Program latihan adalah terdiri dari dua jenis, iaitu:—

Latihan Asas 2 atau 3 tahun sepenuh masa yang dijalankan di 19 buah Maktab Perguruan yang mana 4 buah daripadanya adalah berbentuk pusat sementara.

Kursus Dalam Perkhidmatan yang meliputi:—

- (i) Kursus-kursus Perguruan Asas yang dijalankan dalam masa cuti sekolah selama 3 tahun bagi Guru-guru Sementara yang tidak terlatih;
- (ii) Kursus Bahasa Malaysia bagi guru-guru Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris) dan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (Inggeris);
- (iii) Kursus mengajar Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua;
- (iv) Kursus-kursus untuk meninggikan dan mengemaskinkan pengetahuan akademik dan ikhtisas guru-guru mata-pelajaran tertentu.

Selain daripada kursus-kursus yang tersebut di atas, Kementerian Pelajaran juga akan terus melatih guru-guru bagi beberapa mata-pelajaran tertentu untuk ditempatkan di Sabah dan Sarawak. Kursus seperti ini sedang

dan akan terus dijalankan pada tahun 1978 di beberapa buah maktab di Semenanjung Malaysia, termasuk Maktab Perguruan Bahasa, Maktab Perguruan Teknik, Maktab Perguruan Seri Kota, Maktab Perguruan Temenggong Ibrahim, Johor Bahru dan Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim.

Untuk melaksanakan dasar Kerajaan bagi menyediakan guru-guru yang cukup disemua sekolah-sekolah Kerajaan, baik di sekolah rendah mahupun di sekolah menengah rendah, maka Kementerian Pelajaran telah berusaha meningkatkan lagi pengambilan guru-guru pelatih untuk ditempatkan di Maktab-maktab yang sedia ada dan bagi tahun 1978 Maktab-maktab ini akan menampung bilangan pelajar seramai 13,024 orang.

Pertambahan yang serupa juga diperolehi dalam pengambilan guru-guru yang mengikuti kursus-kursus dalam perkhidmatan dan Kementerian akan melatih seramai 56,393 orang bagi tahun 1978 nanti. Pada tahun 1978 dan tahun-tahun seterusnya Kementerian Pelajaran akan terus memberi latihan perguruan asas kepada Guru-guru Sementara yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah di bawah tadbiran Kementerian Pelajaran yang didapati layak untuk mengikuti kursus tersebut.

Selaras dengan perkembangan bilangan guru-guru pelatih yang mengikuti kursus sepenuh masa dan kursus-kursus dalam perkhidmatan ini, Kementerian Pelajaran telah merancang untuk mengambil pensyarah-pensyarah yang lebih ramai lagi. Pada tahun 1976 ada terdapat seramai 689 orang pensyarah semua kategori. Jumlah ini telah meningkat menjadi 954 orang pada tahun 1977 dan dianggarkan bertambah menjadi 1,020 orang pada tahun 1978.

Di samping itu juga Kementerian Pelajaran dalam tahun 1978 merancang untuk mengambil sebilangan guru-guru sekolah yang mahir dan berpengalaman dalam bidang

masing-masing sebagai "associate supervisors" untuk membantu menjalankan tugas-tugas penyeliaan guru-guru pelatih yang akan menjalankan latihan mengajar mereka di sekolah-sekolah. Ini adalah bertujuan untuk melicinkan lagi pengurusan latihan mengajar di sekolah-sekolah dan secara tidak langsung akan dapat pula merapatkan perhubungan antara Maktab-maktab Perguruan dan Sekolah-sekolah.

Untuk menjamin pengeluaran guru-guru yang bermutu, Kementerian Pelajaran juga pada tahun 1978 akan meneruskan usaha untuk meningkatkan lagi taraf kelulusan akademik dan ikhtisas pensyarah-pensyarahnya di Maktab-maktab Perguruan dengan melepaskan mereka untuk mendapatkan ijazah-ijazah lanjutan dari universiti-universiti di dalam dan di luar negeri. Di samping itu, untuk mengemaskinikan pengetahuan pensyarah-pensyarah lain, kursus singkat seperti kursus orientasi pensyarah-pensyarah baru, seminar-seminar dan woksyp akan terus dijalankan pada tahun 1978.

Di samping menambah-pesatkan lagi usaha pengambilan pelatih-pelatih, Kementerian Pelajaran juga terus berusaha untuk memperbaiki kualiti guru-guru yang dilatihnya. Program yang sedang dijalankan oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1977 dan yang akan diteruskan pada tahun 1978 adalah bertumpu pada usaha-usaha memperkemas dan memperkukuhkan lagi Sistem Latihan Bersepadu yang sudahpun berjalan selama hampir 5 tahun. Untuk tujuan ini satu usaha penilaian yang rapi sedang pesat dijalankan dengan tujuan untuk memperbaiki lagi sistem yang ada sekarang.

Matlamat Kementerian dalam bidang Latihan Guru untuk tahun 1978 dan tahun-tahun seterusnya ialah memperkukuhkan Sistem Latihan Bersepadu yang sedang dijalankan sekarang selaras dengan objektif pendidikan di negara kita hari ini. Ini bererti bahawa latihan perguruan bukan sahaja bertujuan untuk mengeluarkan guru-guru terlatih yang

cukup bilangannya malah untuk menghasilkan guru-guru yang berdedikasi, aktif dalam semua bidang, mempunyai pandangan yang progresif sesuai dengan perkembangan sains dan teknologi, dan mempunyai taraf disiplin dan moral yang tinggi. Terhadap pencapaian objektif inilah, maka pelajaran Agama Islam dan Pendidikan Moral akan dijadikan sebagai sebahagian penting kurikulum di semua Maktab-maktab Perguruan dan akan diajar oleh pensyarah-pensyarah tetap di Maktab-maktab Perguruan. Ini akan dilaksanakan pada awal tahun 1978. Untuk tujuan ini seramai 43 orang guru-guru agama akan diambil untuk dijadikan pensyarah-pensyarah tetap Agama Islam di semua Maktab-maktab Perguruan pada tahun 1978.

Mulai tahun 1978 juga Maktab Perguruan Islam yang sepanjang tahun 1977 menumpang di Maktab Perguruan Bahasa, Kuala Lumpur akan berpindah ke kompleksnya sendiri di Jalan Universiti, Petaling Jaya. Pada awal tahun 1978 keluaran pertama maktab ini seramai 87 orang akan mula ditempatkan untuk mengajar di Sekolah-sekolah Menengah di seluruh Semenanjung Malaysia.

Adalah juga diharapkan pada awal tahun 1978 Maktab Perguruan Jalan Raja Muda, Kuala Lumpur yang merupakan pusat sementara akan dapat berpindah ke Kampus Maktab Perguruan di Lembah Pantai Kuala Lumpur yang sejak tahun 1970 telah digunakan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia yang kini akan berpindah ke kampus tetapnya di Bangi.

Pengeluaran guru-guru pelatih dari Maktab-maktab Perguruan telah bertambah dari setahun ke setahun. Pada tahun 1975 seramai 2,248 orang guru telah dikeluarkan. Jumlah ini telah bertambah menjadi 3,253 orang dalam tahun 1976, dan 3,313 orang tahun 1977. Angka ini dianggar meningkat lagi menjadikannya 5,463 orang untuk tahun 1978:

Bagi Aktiviti ini, Tuan Pengerusi, peruntukan Belanja Mengurus yang diperlukan ialah sebanyak \$68,780,500 iaitu sebanyak \$56,260,500 bagi Semenanjung Malaysia dan \$12,520,000 bagi Sarawak dan Sabah. Peruntukan ini melebihi peruntukan tahun 1977 sebanyak \$9,804,000 ataupun 16.62%, dan sebab-sebab keperluan peruntukan ini telah saya jelaskan tadi.

Peruntukan tahun 1978 bagi Belanja Pembangunan di Semenanjung Malaysia ialah sebanyak \$22,699,000. Ini adalah bagi membina 4 buah Maktab Perguruan baru iaitu di Kuantan, Kuala Trengganu, Sungai Petani dan Ipoh, serta pembinaan bangunan-bangunan tambahan bagi 18 buah bangunan Maktab yang sedia ada. Dari peruntukan itu juga \$1.7 juta akan digunakan bagi pembinaan 4 buah pusat sumber pelajaran yang pembiayaannya adalah didapatkan dari Pinjaman Ke 4 Bank Dunia. Pusat-pusat ini akan terletak di Pahang, Trengganu, Kelantan dan Kedah. Di Sarawak pula peruntukan sebanyak \$6,015,000 diuntukkan bagi membina bangunan tambahan kepada Maktab Perguruan Rejang dan Batu Lintang yang sedang dalam pembinaan. Di samping itu sebuah Maktab Perguruan baru akan dibina di Miri. Bagi Negeri Sabah \$2 juta telah diperuntukkan iaitu untuk membina bangunan tambahan kepada Maktab Perguruan Sandakan dan Gaya, serta kerja-kerja awal lagi pembinaan maktab baru di Keningau.

#### **AKTIVITI PELAJARAN RENDAH DAN MENENGAH**

Tuan Pengerusi, Aktiviti Pelajaran Rendah dan Menengah ini adalah satu-satunya Aktiviti yang terpenting di Kementerian ini. Tanggungjawab Pelaksanaan Dasar Pelajaran adalah di bawah Aktiviti ini. Sebagai pengawal atau pengurusannya Aktiviti ini mempunyai 5 Bahagian di peringkat Kementerian yang mengawas perjalanan sekolah-sekolah dan membuat penilaian atas kemajuan sekolah-sekolah, kecekapan guru-guru dan kesesuaian kurikulum.

Bagi tahun 1978, kita akan mempunyai sejumlah 7,456 buah sekolah yang terdiri dari 6,421 sekolah rendah, 978 sekolah menengah, 9 sekolah berasrama penuh, 10 sekolah menengah sains, 10 sekolah teknik dan 28 sekolah vokesyenal.

Untuk membantu anak-anak dari luar bandar terutamanya bumiputra yang kurang kemampuan ekonominya dan kurang kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah, Kerajaan telah membina sekolah-sekolah berasrama penuh dan sekolah-sekolah menengah sains untuk menampung keperluan mereka ini dan memberi peluang kepada mereka bagi melanjutkan pelajaran kepada peringkat yang lebih tinggi.

Bagi tahun 1978, bilangan murid di sekolah teknik dan vokesyenal akan meningkat seramai 20,255 orang dan di sekolah berasrama penuh/sekolah menengah sains seramai 14,348 orang. Selain dari ini ada 186 asrama-asrama yang diadakan di sekolah-sekolah menengah biasa dan asrama-asrama ini dapat menampung penuntut-penuntut seramai 35,500 orang, kebanyakannya adalah mereka dari kawasan-kawasan luar bandar.

Sebagai satu usaha untuk mengatasi masalah kekurangan anak-anak bumiputra yang mengikuti kursus di dalam jurusan sains, pihak Kementerian dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Sains Malaysia telah mengadakan Kursus-kursus Matrikulasi, khusus untuk memperbaiki matapelajaran-matapelajaran sains bagi murid-murid yang mengikuti Jurusan Pelajaran Bahasa Kebangsaan. 3 buah sekolah iaitu Sekolah Alam Shah di Kuala Lumpur, Sekolah Menengah Perempuan juga di Kuala Lumpur dan Sekolah Sultan Abdul Halim di Jitra, Kedah adalah bekerjasama dengan Universiti Kebangsaan Malaysia untuk mengadakan kursus-kursus ini. Seramai 250 orang pelajar adalah mengikut kursus ini setiap tahun. Bagi Universiti Sains Malaysia pula, Sekolah Menengah Sains Kedah di Sungei Petani dan Sekolah Menengah Sains

Pulau Pinang di Bukit Mertajam sedang mengadakan kursus-kursus yang serupa untuk Universiti ini dan pada masa ini ada lebih kurang 160 pelajar yang sedang mengikuti Kursus Matrikulasi ini.

Perpustakaan adalah satu-satunya alat yang penting bagi perkembangan pelajaran. Dengan ini adalah menjadi hasrat Kementerian ini untuk memperbaiki perpustakaan di tiap-tiap sekolah bukan sahaja dengan mengadakan bilik-bilik khas bagi tujuan tersebut, tetapi juga dengan melengkapkan dengan buku-buku untuk bacaan tambahan kepada murid-murid di sekolah. Untuk memperbaiki lagi kedudukan perpustakaan di sekolah ini, guru-guru perpustakaan akan diberi latihan yang sesuai untuk membolehkan mereka menguruskan bilik-bilik perpustakaan di sekolah dengan lebih teratur dan dengan kebolehan mereka, mereka akan dapat memberi nasihat yang sesuai kepada pelajar-pelajar supaya perpustakaan di sekolah dapat digunakan dengan sepenuhnya. Setakat ini semua sekolah di Semenanjung Malaysia telah mempunyai perpustakaan sendiri dan lebih kurang 500 buah Sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan di Sabah dan Sarawak telah juga ada perpustakaan mereka. Kementerian akan terus menjalankan usaha-usaha bagi memperbaiki lagi kedudukan perpustakaan di sekolah-sekolah ini.

Bagi meneruskan usaha Kerajaan memperbaiki mutu pelajaran di peringkat rendah, Kementerian ini akan meneruskan usaha bantuan buku-buku teks melalui Sekim Pinjaman Buku-buku Teks kepada murid-murid di sekolah rendah. Sekim ini sekarang adalah meliputi seluruh negara dan oleh kerana organisasi yang mengelolakan sekim ini masih didapati kekurangan terutamanya dari segi bilangan kakitangan, maka usaha akan diteruskan untuk memperbaiki keadaan ini. Dengan bertambah baiknya organisasi ini nanti maka akan bertambah baiklah sistem kawalan dan sistem pemberian buku-buku teks ini dan dengan itu akan dapat mengurangkan

kemuskilan yang terdapat dalam Sekim Pinjaman Buku-buku Teks sekarang.

Penyelidikan adalah dijalankan setiap masa bagi menentukan yang sistem pelajaran negara adalah yang terbaik dan sesuai. Penilaian kurikulum dan matapelajaran-matapelajaran adalah juga dijalankan setiap masa untuk menentukan yang mutu pelajaran yang diamalkan adalah terbaik mengikut keperluan dan keadaan masa.

Akta Pelajaran telahpun dipanjangkan kuatkuasanya ke Sabah dan Sarawak dan dengan ini penglibatan Kementerian atas semua Aktiviti-aktiviti Pelajaran adalah lebih menyeluruh lagi dan dengan itu tanggungjawabnya lebih bertambah dan lebih berat. Pengawasan yang lebih baik dan pelaksanaan dasar-dasar pelajaran yang lebih mendalam dan memberi munafaat kepada seluruh pelusuk rakyat di Sabah dan Sarawak akan terus ditentukan kemajuannya dengan sempurna. Ini sudah tentu akan memerlukan tenaga dan perbelanjaan yang lebih. Kemajuan pelajaran di Sabah dan Sarawak adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat dengan sepenuhnya dan Kementerian Pelajaran berazam untuk menentukan supaya matlamat-matlamat yang telah ditaja akan dapat dicapai.

Pemberian-pemberian kepada sekolah-sekolah adalah diberi berpandu kepada bilangan murid dan juga matapelajaran-matapelajaran yang tertentu. Pemberian ini adalah diasingkan daripada keperluan gaji untuk guru-guru dan kakitangan di sekolah-sekolah. Ini adalah untuk menentukan supaya keperluan gaji tidak terikat kepada keperluan-keperluan lain di sekolah dan dengan itu dapat menjamin supaya gaji guru-guru dan kakitangan lain sekolah akan dapat dibayar tiap-tiap bulan.

Tuan Pengerusi, untuk mencapai tujuan yang telah dijelaskan di atas iaitu untuk mengadakan berbagai kemudahan, kelengkapan dan lain-lain keperluan terutama sekali

di kawasan-kawasan luar bandar yang termasuklah menyediakan guru-guru yang terlatih dan berpengalaman yang cukup, kakitangan-kakitangan sekolah yang cukup, kemudahan-kemudahan asrama, alatan dan kelengkapan-kelengkapan mengajar seperti makmal-makmal sains, tambahan sekolah dan bilik-bilik darjah, perkhidmatan sebarang pendidikan, pinjaman buku-buku teks dan juga bantuan-bantuan lain seperti bantuan perpustakaan, bantuan matapelajaran dan bantuan makanan kepada murid-murid yang tinggal di asrama, maka bagi tahun 1978 Kementerian adalah memerlukan peruntukan Belanja Mengurus di bawah Aktiviti ini sebanyak \$1,032,545,700 bagi Semenanjung Malaysia dan \$251,268,000 bagi Sarawak dan Sabah. Peruntukan ini adalah melebihi peruntukan bagi tahun 1977 sebanyak \$234,892,800 atau 22.39%.

Kementerian Pelajaran memerlukan sejumlah \$129,205,331 bagi Belanja Pembangunan di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1978, \$54,523,000 bagi Sarawak dan \$60,100,000 bagi Negeri Sabah di bawah Aktiviti ini. Bagi Pelajaran Rendah bangunan-bangunan baru, tambahan dan gantian akan diberi. Di Negeri-negeri Perak, Kedah dan tiga buah negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia projek-projek akan dibiayai dari Pinjaman Ke 4 Bank Dunia. Bagi Pelajaran Menengah Sekolah-sekolah baru akan didirikan. Ini adalah untuk menambah kekurangan bilangan sekolah bagi menampung keramaian murid-murid yang bertambah. Bilik-bilik darjah tambahan, makmal-makmal sains, bengkel-bengkel seni perusahaan juga dibina bagi membolehkan sekolah-sekolah yang ada berjalan dengan licin dan sempurna.

Untuk Negeri-negeri Sarawak dan Sabah peruntukan-peruntukan yang disediakan adalah untuk membolehkan lebih banyak sekolah-sekolah rendah dibina supaya lebih ramai kanak-kanak di dalam lingkungan umur sekolah bersekolah dengan percuma. Lebih banyak sekolah-sekolah menengah akan

juga dibina untuk membolehkan murid-murid Darjah Enam belajar terus ke Tingkatan I setelah terhapusnya peperiksaan Darjah Enam. Pembinaan sekolah-sekolah rendah dan menengah adalah diberi keutamaan di kawasan-kawasan luar bandar.

Di bidang pelajaran menengah teknik dan vokesyenal 5 buah sekolah akan mendapat bangunan tambahan dalam tahun 1978, iaitu di Alor Star, Ipoh, Seremban, Melaka dan Johor Bahru. Sekolah-sekolah vokesyenal baru juga akan dibina.

Di bawah Aktiviti ini juga sebuah Sekolah Kanak-kanak Pekak akan didirikan di Shah Alam Selangor. Selain daripada itu asrama-asrama sekolah harian akan dibina atau diperbesarkan. Rumah-rumah guru juga dibina bagi membolehkan terutamanya guru-guru yang mengajar di luar bandar tinggal berhampiran dengan sekolah. Keutamaan pembinaan rumah-rumah guru adalah di rancangan-rancangan FELDA dan sekolah-sekolah terpencil di mana rumah-rumah sewa sukar diperolehi.

## **AKTIVITI PENGURUSAN PEPERIKSAAN**

Aktiviti Pengurusan Peperiksaan, Tuan Pengerusi, memainkan peranan yang penting bagi mencapai sebahagian daripada objektif-objektif Kementerian ini. Antara lainnya, Aktiviti ini dapat menilaikan hasil pelajaran dan pengajaran di sekolah, menyediakan asas bagi pemilihan murid-murid ke peringkat-peringkat dan jurusan-jurusan tertentu dan memperakukan taraf dan peringkat pencapaian pelajar-pelajar dalam bidang pengajian serta memberi kesempatan pihak umum meningkatkan lagi kelayakan dan kemahiran tertentu. Di samping itu ia juga merupakan cara yang berkesan untuk menaksir dan menilai sistem pendidikan negara.

Pada tahun 1978 jumlah calon yang akan mengambil peperiksaan dianggarkan seramai

1.4 juta iaitu kelebihan 20% atas jumlah bagi tahun 1977. Pada tahun 1973 buat pertama kalinya dalam sejarah pendidikan di negara ini tanggungjawab mengelola Peperiksaan Malaysia Certificate of Education (MCE)/Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) akan dikendalikan sepenuhnya oleh Kementerian ini sendiri. Sebagai kemuncak pelaksanaan rancangan peralihan bahasa pengantar di peringkat menengah rendah di Semenanjung Malaysia dan Sabah daripada Bahasa Inggeris ke Bahasa Malaysia, maka buat pertama kalinya calon-calon akan mengambil satu peperiksaan tunggal aliran Bahasa Malaysia, iaitu Sijil Rendah Pelajaran (SRP). Peperiksaan Sijil Pelajaran Vokesyenal Malaysia (SPVM) akan mula diambil oleh pelajar-pelajar di Sabah dan di Sarawak pada tahun 1978. Pada tahun itu juga murid-murid di Sabah akan mula menduduki Peperiksaan Penilaian Darjah Lima, manakala di Sarawak peperiksaan ini telahpun dipanjangkan ke negeri itu. Persiapan-persiapan yang rapi telah dan sedang dilaksanakan dengan rancaknya, umpamanya dalam bidang latihan pegawai dan kakitangan dan bidang perkhidmatan komputer, bagi menentukan perkembangan-perkembangan tersebut akan berjalan dengan licin dan sempurna.

Peruntukan yang diperlukan bagi Aktiviti ini, Tuan Pengerusi, ialah sebanyak \$9,991,700 bagi Semenanjung Malaysia dan \$664,300 bagi Negeri Sarawak dan Sabah. Peruntukan yang dipohon ini adalah melebihi peruntukan tahun 1977 sebanyak \$1,427,700 atau 15.4%.

### **AKTIVITI PELAJARAN MENENGAH ATAS/TINGGI**

Tuan Pengerusi, sebagai yang termaklum negara kita sekarang mempunyai 5 buah universiti untuk menampung keperluan-keperluan bagi pelajaran tinggi dari sebilangan penuntut-penuntut yang lulus daripada sekolah-sekolah menengah. Jika dikaji dari bilangan penduduk negara ini, 5 buah

universiti yang ada ini adalah mencukupi untuk menampung keperluan mendapatkan pelajaran tinggi serta kemahiran profesional dari universiti-universiti tersebut. Walau macam manapun disebabkan bilangan penuntut yang ingin mendapat pelajaran di peringkat universiti adalah bertambah banyak pada tiap-tiap tahun, maka didapati perlu sebilangan daripada mereka terpaksa mencari peluang ini di luar negeri.

Untuk menentukan supaya kursus-kursus yang diadakan di universiti-universiti ini tidak bertelingkah maka selain daripada Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan yang mana kursus-kursusnya adalah berupa "Multi Discipline" maka 3 lagi universiti lain terpaksa diadakan sebagai "Single Discipline". Universiti-universiti ini ialah Universiti Sains di Pulau Pinang yang mengutamakan kursus-kursus yang berasaskan sains; Universiti Pertanian di Serdang yang mengutamakan kursus-kursus berasaskan pertanian dan veterina; dan Universiti Teknologi yang mengutamakan kursus-kursus berasaskan kepada kejuruteraan.

Selain daripada 5 buah universiti ini kita juga mempunyai 3 buah maktab yang mengeluarkan graduan-graduan di peringkat "Semi-Professional". Dan maktab-maktab ini ialah Instituti Teknologi MARA, Politeknik Ungku Omar dan Politeknik Kuantan.

Untuk menampung Yayasan-yayasan Pelajaran Tinggi ini dan juga Hospital Universiti yang ditubuhkan bagi keperluan mengajar doktor-doktor yang mengikuti kursus di Fakulti Perubatan Universiti Malaya akan keperluan peruntukan sebanyak \$251,811,900 adalah diperlukan untuk tahun 1978. Keperluan peruntukan ini adalah dibahagikan kepada yayasan-yayasan yang berkenaan seperti berikut:—

|                       |              |
|-----------------------|--------------|
| Universiti Malaya     | \$54,647,000 |
| Universiti Teknologi  | 23,885,500   |
| Hospital Universiti   | 27,282,800   |
| Universiti Kebangsaan | 38,473,300   |

|                          |               |
|--------------------------|---------------|
| Universiti Sains         | 30,068,700    |
| Universiti Pertanian     | 31,808,000    |
| Institusi Teknologi MARA | 42,609,400    |
| Politeknik Ungku Omar    | 2,563,200     |
| Politeknik Kuantan       | 474,000       |
|                          | <hr/>         |
|                          | \$251,811,900 |

Bagi keperluan pembangunan pula, Tuan Pengerusi, peruntukan berjumlah sebanyak \$144,263,543 adalah dipohon untuk tahun 1978. Daripada jumlah ini keperluan sebanyak \$6,686,800 adalah untuk meneruskan pembinaan Politeknik baru di Kuantan serta pembelian alat-alat kelengkapan dan juga pembinaan bangunan tambahan kepada Politeknik Ungku Omar di Ipoh.

Universiti Pertanian memerlukan \$17,225,000 bagi meneruskan projeknya seperti pembinaan Bangunan Sains Fizikal, Bangunan Fakulti Perhutanan dan lain-lain projek yang sedang dilaksanakan. \$3,100,000 pula diperuntukkan bagi memulakan kerja-kerja awal bagi kampus Cawangan Universiti

Pertanian di Bintulu, Sarawak. Universiti Malaya memerlukan peruntukan sejumlah \$4,560,000 bagi meneruskan projek-projeknya di samping memulakan pembinaan Pusat Pengajian Siswazah lanjutan sains. Bagi Universiti Kebangsaan sejumlah \$49,490,363 diperlukan, dalam tahun 1978. Peruntukan ini ialah untuk meneruskan projek pembangunan di Bangi, memulakan pembinaan Asrama Penuntut I dan rumah-rumah pensyarah di Fakulti Perubatan, serta pembelian alat perabut dan kelengkapan.

**Tuan Pengerusi:** Masa sudah cukup. Yang Amat Berhormat boleh sambung esok.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Rabu, 6hb Disember, 1977.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*